



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Yang di-Pertua Mulai Bertugas [Ruangan 8345]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8345]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 8374]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Jadual—

Kepala B. 19 [Ruangan 8374]

Kepala B. 21 [Ruangan 8378]

Kepala B. 22 [Ruangan 8431]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Kepala P. 19 [Ruangan 8374]

Kepala P. 21 [Ruangan 8378]

Kepala P. 22 [Ruangan 8431]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 2hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan,
DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru,
TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram) .
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- ” DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LIN KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
 „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
 „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
 Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
 „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
 „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. Manickavasagam, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
 „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
 „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
 „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
 „ Menteri Perancangan Am, Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI AMAR ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
 „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
 „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
 „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
 „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
 „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
 „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
 „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
 „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
 „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
 „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
 „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

- Yang Berhormat TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. Oyung, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFEK BIN O. K. K. Haji Asneh, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN RACHA UMANG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

YANG DI-PERTUA MULAI BER- TUGAS

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan perasaan syukur dan sukacita saya memaklumkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Haji Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, telah sembuh daripada penyakitnya dan akan mula bertugas mulai dari hari esok. Dan bagi diri saya pula dengan izin Allah malam ini akan berlepas ke Juddah untuk menunaikan ibadat haji dan menziarah Rasullullah s.a.w. dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang yang telah bekerjasama dengan saya dalam masa saya menjalankan tugas Pemangku Yang di-Pertua semenjak diadakan sidang Parlimen mulai bulan Oktober yang lepas. Dan saya berdoa dan berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sentiasa di dalam perlindungan Allah dan dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dan Parlimen serta negara kita akan sentiasa dipelihara oleh Tuhan dan begitu juga rakyat seluruhnya mudah-mudahan di dalam keamanan dan kesejahteraan buat selama-lamanya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GAJI PEKERJA-PEKERJA KILANG

1. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar masih terdapat pihak swasta atau pengilang-pengilang masih membayar gaji rendah kepada pekerja-pekerja mereka walaupun ianya telah mendapat taraf perintis.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya

adalah sedar bahawa ada beberapa industri-industri di mana gaji yang dibayar adalah di peringkat yang rendah, tetapi sebaliknya banyak pula terdapat industri-industri yang membayar gaji yang tinggi. Apa yang perlu ditentukan pada masa ini ialah supaya gaji yang tidak berpatutan tidak dibayar. Kebanyakan industri-industri sekarang sedang menghadapi masa kemerosotan dan mungkin tidak berupaya untuk membayar gaji yang lebih atau untuk mengekalkan tenaga pekerja yang penuh.

Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu mengetahui ada majikan-majikan yang tertentu yang membayar gaji yang tidak berpatutan, Kementerian saya ingin mendapatkan butir-butir lanjut supaya tindakan dapat diambil.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana didapati, ada majikan-majikan yang membayar gaji yang tidak berpatutan dan untuk hendak membasmikan keadaan ini, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menetapkan gaji minima bagi pekerja-pekerja di negara ini?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menjalankan satu kajian atas gaji minima dan buat masa sekarang Kementerian tidak bercadang.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada menyatakan bahawa beliau sedar tentang adanya setengah-setengah kilang memberi gaji yang rendah. Apakah tindakan yang diambil berkenaan dengan perkara-perkara yang beliau sedar itu iaitu berkenaan dengan kilang-kilang yang membayar gaji rendah.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya kata ada majikan-majikan yang membayar gaji di peringkat yang rendah, tetapi walau bagaimanapun, jika didapati majikan-majikan yang membayar gaji yang tidak berpatutan Kementerian saya menyiasat samada pekerja-pekerja di syarikat tersebut diwakili oleh Kesatuan Sekerja atau tidak. Jika pekerja-pekerja tersebut diwakili oleh Kesatuan Sekerja mereka akan dinasihatkan supaya membawa perkara tersebut kepada Kesatuan untuk dirundingkan dengan pihak

majikan. Jika sekiranya mereka tidak mempunyai Kesatuan Sekerja, Kementerian saya akan menasihatkan majikan-majikan supaya membayar gaji yang berpatutan. Jika usaha-usaha ini tidak juga mencapai kejayaan, Kementerian boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang yang ada.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara membayar gaji yang rendah ini telah biasa disungutkan dalam Dewan ini dan tidakkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu sedar dan mengetahui kilang-kilang yang membayar gaji yang begitu rendah padahal mereka mendapat keuntungan yang banyak. Sepatutnya selama ini telah disiasat perkara ini bukan sekarang baru hendak siasat. Adakah selama ini telah disiasat daripada sungutan-sungutan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Parlimen di sini daripada semenjak dulu?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gaji minima saya telah menjawab tadi bahawa Kementerian saya menjalankan suatu kajian yang mendalam dan selepas itu Kementerian telah mengambil keputusan bahawa buat masa sekarang Kementerian tidak ada cadangan apa-apa berkenaan dengan gaji minima.

Berkenaan dengan gaji yang rendah yang dibayar, saya telah terangkan bahawa Kementerian saya menasihatkan majikan-majikan untuk membayar gaji yang berpatutan dan kita beritahu kepada majikan kalau gaji yang tidak berpatutan dibayar pekerja-pekerja tersebut akan mencari pekerjaan-pekerjaan yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ledang tadi bertanya sekiranya penyiasaan telah dijalankan, itu sahaja. Kalau sudah, cakap sahaja sudah.

Tuan S. Subramaniam: Sudah dijalankan.

PERCANTUMAN PENDAPAT PENDUDUK-PENDUDUK

2. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas menyatakan apakah perubahan-perubahan yang akan dibuat untuk menghasilkan percantuman pendapat-pendapat dari semua sektor penduduk-penduduk untuk membantu sebaran am

mengesan sentibiti reaksi orang ramai dan untuk menghapuskan sama sekali berperingkat-peringkat masyarakat kita.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha memang dibuat dari satu masa ke satu masa menerusi panduan dari S.R.M. atau Survey Research Malaysia. Sekarang ini pula Kementerian ini sedang menyusun semula dan memperkuatkan lagi bahagian perancang dan pendidikan dengan harapan supaya bahagian ini dapat bergerak dengan pesat lagi untuk mendapat fikiran rakyat. Pendapat-pendapat yang demikian akan dijadikan juga panduan untuk merancang program R.T.M. sesuai dengan keadaan dalam konteks keselamatan negara.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan satu pengajian telah dibuat melalui S.R.M. (Survey Research Malaysia) iaitu suatu badan swasta. Tidakkah Kementerian bercadang hendak mengadakan penyelidikan ini menggunakan Jabatan Perangkaan negara kita sendiri?

Datuk Shariff Ahmad: Seperti saya kata tadi dalam bahagian perancang dan pendidikan sedang disusun dan akan coordinate dengan perancang ini.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Mengikut Timbalan Menteri beliau menerangkan bahawa Survey Research Malaysia itu ada menjalankan soal seperti ini. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang umpamanya untuk membuat specific survey research yakni mengenai "attitude, formation and change" hasil daripada penglibatan mass-media di dalam masyarakat.

Datuk Shariff Ahmad: Dalam perangka yang baru ini perkara ini termasuk di dalam usaha kita.

SEKOLAH/AKADEMI MUSIK

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi satu senarai yang

lengkap tentang akedemi atau sekolah-sekolah yang memberi kursus dalam

- (a) Musik;
- (b) Tarian; dan
- (c) Pengajian Ilmiah berkaitan dengan kebudayaan negara, yang dapat dianggakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dan (b) Kementerian ini tidak dapat memberikan senarai tersebut kerana Pendaftaran sekolah-sekolah dan akademi-akademi yang berkenaan bukanlah di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- (c) Selain daripada kerja-kerja yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Kementerian ini dengan menyelaraskan tugas-tugasnya melalui kerjasama dengan institusi-institusi, sarjana-sarjana dalam dan luar negeri, pengajian ilmiah tentang kebudayaan sebenarnya adalah lebih banyak dijalankan di pusat-pusat pengajian tinggi. Kursus-kursus Kebudayaan, terutamanya tentang kebudayaan dan masyarakat Malaysia telah diajar sebagai mata-matapelajaran penting di dalam beberapa jabatan-jabatan atau di pusat-pusat di bawah fakulti-fakulti tertentu di universiti-universiti seperti di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Universiti Teknologi Malaysia.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu akademi seni budaya umpamanya, kerana kita dapati bahawa segala kursus-kursus yang telah dijalankan di universiti-universiti setakat ini ialah tidak sebenar-benarnya menghasilkan seni budaya Malaysia yang spesifik, yakni apa yang diadakan dalam kursus-kursus di

Universiti Sains Pulau Pinang umpamanya, ada satu jabatan di bawah nama "Jurusan Sains Kemanusiaan" di mana kita belajar creative writing. Jadi, banyak lagi tempat-tempat yang perlu kita pertingkatkan dalam bidang seni budaya, terutamanya dalam bidang penulisan-penulisan kreatif yang banyak, penyajak-penyajak, penyair-penyair dan penulis-penulis seluruh tanahair, termasuklah juga ahli musik, kesenian asli rakyat. Untuk mengkontrolkan semua sekali pengajian ilmiah seumpama ini, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah akademi seni budaya di Malaysia?

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya menjadi salah satu daripada tujuan asas Kementerian ini untuk mengendalikan pengajian berhubung dengan kebudayaan dan seni amnya. Tetapi oleh kerana pada masa ini kemudahan-kemudahan atau facilities asas bagi Kementerian ini tidak ada, maka terpaksa digunakan venues ataupun tempat-tempat seperti yang disebutkan tadi.

RANCANGAN TANAH/PERUSAHAAN RINGAN DI SARAWAK

4. **Tuan Abit anak Angkin** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau akan membuka lebih banyak lagi rancangan tanah dan perusahaan ringan di merata kawasan di Sarawak bagi mengurangkan masalah kemiskinan dan pekerjaan khususnya di Bahagian Ke 7, Sarawak di mana hampir tidak ada langsung rancangan tanah atau perusahaan ringan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima dari Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak akan membuka lebih banyak lagi rancangan-rancangan tanah dan perusahaan ringan di Sarawak, termasuk rancangan menanam kelapa sawit dan koko di Bahagian Keempat; rancangan kelapa sawit di kompleks Mukah, Balingian dalam Bahagian Ketiga; rancangan kelapa sawit dan koko di kawasan Bau-Lundu dalam Bahagian Satu dan rancangan kelapa sawit

di Lubok Antu dalam Bahagian Kedua, jika didapati tanah-tanah yang sesuai bagi rancangan-rancangan itu.

Berkenaan dengan perusahaan ringan, Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak serta Malaysian Industrial Estate Limited dan Borneo Development Corporation telah menubuhkan kawasan-kawasan perindustrian di beberapa bahagian di Sarawak, khususnya di Kuching, Sibul, Miri dan Limbang untuk menampung keperluan perusahaan, terutama projek-projek perindustrian yang berasaskan kayu-balak dan juga pertanian.

Mengenai Bahagian Ketujuh, pada amnya keadaan tanahnya adalah berbukit-bukit dan kajian yang telah dijalankan setakat ini menunjukkan bahawa ianya tidaklah berapa sesuai untuk pertanian secara besar-besaran, demikianlah juga dengan projek-projek perindustrian. Boleh jadi di dalam Bahagian Ketujuh ini sesuai untuk perusahaan kayu-balak.

MINYAK TANAH KEKURANGAN

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan minyak tanah di banyak tempat di negara ini, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bekalan minyak tanah yang mencukupi pada bila-bila masa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang telah berikan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat pada 21hb November, 1975 yang lalu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini adakah Kementerian beliau mempunyai satu jadual untuk bekalan minyak tanah kepada tiap-tiap negeri dan daerah. Jikalau ada, mengapa bekalan minyak tanah itu tidak sampai kepada tiap-tiap negeri atau daerah di Negeri Perak yang mana mengalami kekurangan bekalan minyak tanah.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, jadual yang harus dibekalkan oleh pembekal minyak tanah ini ada disediakan, tetapi kadang-kadang masaalah yang timbul ialah oleh kerana bekalan ini constant tiap-tiap bulan. Kalau satu bulan itu cepat habis bekalan itu maka time lapse antara bekalan yang pertama dan yang kedua itu akan memakan masa sedikit dan itu masaalah yang timbul dari keadaan ini.

RTM MENGGANTUNG ARTIS-ARTIS TEMPATAN

6. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Penerangan:

- (a) adakah benar bahawa pihak RTM telah mengambil tindakan menggantung setengah-setengah artis-artis tempatan dari mengambil bilangan menyanyi dan melawak dalam rancangannya;
- (b) jika ya, apakah sebabnya mereka itu digantung dari mengambil bahagian menyanyi dan melawak di radio dan TV dan nyatakan berapa lamakah penggantungan ini akan dijalankan bagi satu-satu artis; dan
- (c) bilangan artis-artis yang telah dikenakan hukuman ini, dan apakah kesalahan mereka itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Benar kerana ini perkara biasa.
- (b) (i) kerana tidak mematuhi peraturan atau disiplin Jabatan dan lamanya antara 3 hingga 6 bulan.
- (c) 11 orang, tetapi sekarang ini tidak ada lagi yang digantung.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa seorang seniman yang bernama Jamali Sadat telahpun digantung untuk mengambil bahagian di dalam RTM?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penggantungannya sudah tamat.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

menyatakan bilakah seniman yang amat popular itu dapat diminati oleh orang ramai. Bilakah lagi programnya akan dikeluarkan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu berkehendakkan notis.

HARGA BARANG-BARANG MALAYSIA MELESET

7. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) memandangkan keadaan merosot yang meliputi dunia ini maka harga kebanyakan barangan Malaysia untuk di-eksepot seperti getah, kayu-kayuan dan minyak kelapa sawit telah meleset mengakibatkan kerugian matawang asing yang agak besar. Dapatkah Menteri menerangkan kepada Dewan ini jika ada percubaannya mengujutkan Perjanjian Antarabangsa bagi menstabilkan harga barangan telah berjaya selain daripada Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa yang kelima; jika usaha-usahanya itu berjaya sila beritahu Dewan ini sekiranya telahpun ditandatangani mana-mana satu perjanjian Antarabangsa setakat ini; jika tidak apakah sebab-sebabnya tiada mendapat kesetabilan harga; dan
- (b) apakah jiran yang mengeluarkan barangan yang serupa telahpun bersama-sama menyokong rancangan semupama itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, jawapan:

- (a) Telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar pada 24hb November, 1975.
- (b) Juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dalam sidang Parlimen yang lepas semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 8hb Julai, 1975 dan saya juga telah menyentuhnya semasa menjawab Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 4hb November, 1975.

JAMBATAN WAKAF SETAN, KELANTAN

8. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa kenderaan-kenderaan berat telah menggunakan jambatan Wakaf Setan (6 batu dari Kota Bharu) dalam perjalanannya dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur, kerana jambatan Pasir Tumboh (6½ batu dari Kota Bharu), Jalan Pasir masih belum dibaiki; jika ya, nyatakan bilakah Kerajaan bercadang hendak membina/membaiki jambatan Pasir Tumboh itu untuk mengelakkan putusnya perhubungan (bagi kenderaan berat) Kota Bharu-Kuala Lumpur dan juga mengelak kemungkinan robohnya jambatan Wakaf Setan;
- (b) samada beliau mengarahkan pihak yang berkenaan di Kota Bharu supaya melalui Melor-Ketereh dalam perjalanan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur; dan
- (c) adakah beliau bercadang akan mengkaji semula kadar muatan bagi kenderaan-kenderaan berat untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalanraya.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa kenderaan-kenderaan berat telah menggunakan jambatan Wakaf Setan di dalam perjalanannya dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil untuk membina semula jambatan Pasir Tumboh. Reka-bentuk untuk jambatan baru telah siap dan pada sekarang peringkat akhir rekabentuk jalan yang menghala ke jambatan itu sedang diselenggarakan. Adalah dijangka tawaran akan dipanggil pada awal tahun 1976 untuk pembinaan jambatan tersebut.
- (b) Ya, arahan telah diberikan kepada pihak yang berkenaan di Kota Bharu supaya kenderaan-kenderaan menggunakan jalanraya melalui Melor-Ketereh dalam perjalanan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur.

- (c) Buat masa ini Kerajaan berpendapat kajian semula kadar muatan bagi kenderaan berat tidak perlu diadakan.

BELIA MENGHISAP DADAH

9. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ramai orang terutama belia termasuk murid-murid sekolah menghisap dadah yang merbahaya. Jika ya, apa langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk menghentikan hisapan dadah dan mengelakkan dadah dari luar negeri masuk ke dalam negara kita; dan
- (b) berapakah ramai pengedar besar yang terlibat dengan penjualan dadah telah ditangkap oleh polis.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa masalah menyalahgunakan dadah khasnya dikalangan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun telah bertambah serious. Mereka ini sekarang bukan lagi menyalahgunakan ganja sahaja tetapi sudah masuk penggunaan jenis heroin iaitu satu dadah yang amat merbahaya.

Bilangan murid-murid sekolah yang menyalahgunakan dadah adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah murid-murid sekolah di seluruh negara kita ini. Atas kesedaran inilah Kerajaan telah mengambil tindakan positif dan menubuhkan Pusat Biro Narkotik dalam bulan Oktober, 1972 yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan dan juga merancang aktiviti-aktiviti pencegahan. Dari segi penguatkuasaan, Kerajaan telah menggalakkan bekerjasama dua jurusan (bilateral) antara negara-negara jiran melebihi lagi kegiatan-kegiatan penguatkuasaan khasnya di sempadan untuk menghalang penyeludupan dadah ke dalam negeri kita dan juga kita telah meminda Undang-undang Dadah Berbahaya, 1952 yang membawakan hukuman maksima iaitu hukuman mati atau penjara seumur hidup bersama dengan sebat ke atas pengedar-pengedar dadah.

Bilangan mereka yang telah ditangkap atas kesalahan dadah bagi tempoh masa setengah tahun iaitu daripada Januari hingga Jun, 1975 adalah seramai 1,470 orang iaitu hampir sama jumlah tangkapan bagi seluruh tahun 1974 yang seramai 1,819 orang. Jumlah heroin yang dirampas dalam masa yang sama enam bulan ialah 112 paun iaitu dua kali ganda dari jumlah rampasan seluruh tahun 1974. Dalam tahun 1974 rampasan ialah berjumlah 58 paun.

Jumlah rampasan ganja dalam setengah tahun 1975 ialah 713 paun iaitu hampir sama juga dengan rampasan seluruh tahun 1974 yang berjumlah 871 paun. Dari segi pencegahan jabatan-jabatan Kerajaan, pertumbuhan-pertumbuhan sukarela sedang giat menjalankan berbagai cara penerangan kepada orang awam khasnya kepada ibu-bapa, guru-guru dan belia-belia di atas bahaya dan keburukan menyalahgunakan dadah.

Pusat Biro Narkotik telah juga pergi ke cerok-rantau Semenanjung Malaysia ini untuk memberi penerangan kepada semua golongan masyarakat seperti tersebut:

Forum atau Symposium atau Seminar:

1973	5 kali
1974	6 kali
setengah tahun 1975	4 kali

Ceramah atau Syarahan atau Perbincangan:

1973	72 kali
1974	112 kali
setengah tahun 1975	122 kali

Tayangan Filem:

1973	11 kali
1974	18 kali
setengah tahun 1975	16 kali

Pamiran ataupun Pertunjukan:

1973	65 kali
1974	76 kali
setengah tahun 1975	34 kali

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, adalah dasar Kementerian Pelajaran juga memasukkan perkara dadah ini sebagai satu matapelajaran seluruh sekolah. Kementerian Kebajikan Am dan bekerjasama dengan

Kementerian Kesihatan pula telah menubuhkan tiga pusat rawatan dan pemulihan bagi penageh-penageh dadah di Bukit Mertajam, Kuala Kubu Bharu, dan Tampoi, Johor dan 24 pusat detection ataupun detoxification.

Dalam tahun 1975 iaitu dalam bulan Januari hingga November polis telah mengambil tindakan dan menghantar seramai 65 orang pengedar dadah ke Pulau Jerejak di bawah Undang-undang Dharurat, 1969 dan Ordinan Kediaman Terhad (Restricted Residents). Dalam masa yang sama juga Pusat Biro Narkotik pula telah menangkap 66 orang pengedar termasuk 15 orang yang dituduh di bawah pindaan baharu Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup serta sebat tak kurang daripada 6 rotan. Pusat Biro Narkotik telah juga menangkap 2 orang pengedar di bawah Ordinan Kediaman Terhad ataupun Restricted Residents.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini, adakah Kementerianya mengambil apa-apa tindakan mahkamah di atas murid-murid yang menghisap dadah?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu setakat hari ini bagi murid-murid sekolah yang menghisap dadah itu tidak pernah kita tangkap yang mana penageh dibiarkan dan diberi nasihat. Dan ada yang saya tahu semasa saya pergi ke Ipoh yang telah menageh itu siang belajar, sesudah mereka belajar kita ubat mereka itu. Itulah cara kita menolong mereka itu dan tidak seorang pun yang kita tangkap atau dibuang sekolah.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada murid-murid yang terlibat sebagai penageh dadah, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa murid-murid tersebut telah menjadi penageh rokok sebelum menjadi penageh dadah. Jika sedar adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak mengadakan undang-undang melarang murid-murid menghisap rokok.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak tahulah. Tetapi boleh jadi daripada penerangan yang

saya dapat pada mulanya menghisap rokok daun bapa di rumahnya. Lama-lama selepas itu dia hisap rokok senang dia masuk ganja di dalamnya, tetapi kita tidak buat undang-undang. Saya tahu dalam peraturan sekolah masa dulu lagi memang dilarang murid-murid sekolah itu merokok. Kerajaan tidak hendak buat undang-undang untuk menangkap atau menahan mereka daripada merokok. Orang tua sendiri pun merokok.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Orang tua lebih daripada merokok dia buat. (*Ketawa*).

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi banyak sekali dadah termasuk ganja yang dibawa daripada luar diseludup ke negara ini, tetapi akhir-akhir ini banyak kedapatan ganja ditanam di setengah-setengah tempat di negara kita. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk merampas tanah-tanah yang didapati ditanam ganja seperti-mana yang saya tahu jika kenderaan-kenderaan yang membawa ganja, kenderaan itu dirampas.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, satu Rang Undang-undang telahpun dibentangkan di dalam mesyuarat ini yang kita akan bincangkan perkara itu. Tetapi sehingga hari ini kita belum lagi dapat menangkap orang menanam ganja atas tanah yang ada geran, biasanya di tanah Kerajaan di sebelah belakang, jadi tidak boleh dirampas.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada mengatakan bahawa banyak dadah merbahaya telah dibawa daripada luar negeri masuk ke dalam negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri telah menyelidik tujuan mereka membawa dadah merbahaya ke dalam negara kita samada mereka membawa dadah merbahaya ini tujuan keuntungan kewangan ataupun bertujuan untuk melemahkan masyarakat muda-mudi kita supaya jenerasi yang akan datang menjadi satu jenerasi yang lemah.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan secara mendalam tidak dibuat, tetapi yang saya tahu

tujuannya kedua-duanya itu, terutama untuk membuat kewangan. Tetapi yang kedua pun ada juga tujuannya untuk melemahkan orang kita supaya ketagih dadah dan merosakkan keselamatan negara kita pada masa yang akan datang. Kedua-dua itu memang ada.

TAMBANG BAS TINGGI

10. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang rungutan oleh penumpang-penumpang bas bahawa mereka terpaksa membayar 10 sen untuk perjalanan yang kurang dari dua batu. Apa langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengarahkan perkhidmatan bas supaya tidak mengenakan tambang yang tinggi kepada penumpang-penumpang.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa berikutan dengan kebenaran yang telah diberi oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat bas menaikkan tambang dari 4 sen ke 5 sen sebatu mulai 1hb April, 1975; beberapa rungutan telah diterima daripada orang ramai mengenai adanya setengah-setengah syarikat bas yang telah menaikkan tambang basnya lebih daripada had yang dibenarkan, di mana aduan-aduan yang konkrit diterima penyiasatan adalah dijalankan dan tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil jika bersabit kesalahan mereka.

Dalam hal ini mungkin sebabnya tambang yang dikatakan dinaikkan lebih dari 5 sen sebatu itu adalah oleh kerana dalam pengiraan semula kadar-kadar tambang baru itu, bas-bas kompeni telah menggunakan jarak jauh (distance) dari satu tempat ke satu tempat itu mengikut perkiraan batu yang lama dengan tidak mengambil kira perubahan-perubahan perpendekkan jalan selepas dari pembaharuan-pembaharuan sesuatu jalanraya itu.

Kementerian saya bercadang akan mengkaji semua hal-hal ini mengikut keadaan sekarang. Kajian ini dijangka akan mengambil masa tetapi sekiranya ada mana-mana

rungutan yang difikirkan patut diambil perhatian dengan segera, sukacitalah saya kiranya Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan kepada saya secara khusus tentang pengaduan itu.

HARGA BAJA

11. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengawal kenaikan harga baja dan kemikal pertanian termasuk racun serangga dan racun rumput-rapai.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk membuat baja dan kemikal pertanian, racun-racun serangga dan racun rumput ini barang-barang yang diimpot, maka sukarlah Kementerian ini hendak mengawal kenaikan harganya.

PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BARU

12. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan,

- (a) bilangan perusahaan-perusahaan baru, yang kecil dan besar yang didaftarkan dalam tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 untuk
 - (i) orang-orang asing;
 - (ii) Bumiputra; dan
 - (iii) bukan Bumiputra; dan
- (b) jenis perusahaan yang dijalankan oleh tiap-tiap satu dari mereka.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Pada masa ini, mengikut undang-undang syarikat-syarikat perkilangan tidak perlu mendaftar dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melainkan syarikat-syarikat yang memerlukan galakan-galakan seperti yang disediakan dalam Akta Galakan Pelaburan Tahun 1968. Walau bagaimanapun, setengah-setengah syarikat telah dengan sukarela memohon untuk mendapat

kelulusan walaupun mereka tidak memerlukan galakan-galakan. Ini adalah selaras dengan kenyataan dasar pada tahun 1967 yang dibuat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada masa itu, bahawa semua syarikat-syarikat yang hendak menubuhkan projek-projek baru atau membesarkan pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada di negara ini, samada dengan atau tanpa galakan-galakan, mestilah memohon untuk mendapat kelulusan dari Kerajaan.

Menggunakan ukoran tingkat modal \$250,000 ke bawah bagi projek-projek kecil, sebanyak 1,354 projek telah diluluskan dalam tahun 1973 hingga Oktober, 1975 dengan pecahan-pecahan seperti berikut:

<i>Projek-projek kecil</i>	<i>Jumlah (%)</i>
Orang-orang asing ...	19 (5.4%)
Bumiputra	63 (17.6%)
Bukan Bumiputra ...	275 (77.0%)

<i>Projek-projek Besar</i>	<i>Jumlah (%)</i>
Orang-orang asing ...	131 (13.2%)
Bumiputra	93 (9.3%)
Bukan Bumiputra ...	773 (77.5%)

- (b) Kebanyakan usahawan-usahawan asing terlibat dalam perusahaan letrik dan letronik dan perusahaan kain. Bagi kaum bukan bumiputra, perusahaan penting yang mereka ceburi ialah dalam pengilangan makanan, barang-barang kain, barang-barang bukan logam, pembuatan mesin, barang-barang letrik dan barang-barang kayu. Sebilangan besar keluaran-keluaran ini adalah juga untuk pengilangan barang-barang logam rekaan, barang-barang plastik, kertas dan barang-barang kertas dan barang-barang getah. Kebanyakan projek-projek Bumiputra adalah terlibat dalam pengilangan barang-barang makanan, barang-barang bukan logam, barang-barang logam dan barang-barang kayu. Sebilangan dari projek-projek Bumiputra telah juga diluluskan dalam perusahaan membuat mesin, perusahaan penginapan dan perusahaan barang-barang letrik, perusahaan-perusahaan getah dan plastik dan juga perusahaan kain.

PENUNTUT-PENUNTUT DI YAYASAN TINGGI

13. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pelajaran memberi keterangan mengenai bilangan penuntut-penuntut di yayasan-yayasan pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri menurut kaum masing-masing dan juga kursus-kursus pelajaran yang mereka ikuti.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini kerap kali dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan tokoh-tokoh pendidik saya ingin menjawab soalan ini dengan cara detail supaya semua pihak akan termaklum bukan sahaja dengan angka-angka tetapi sebab-sebabnya bilangan-bilangan ini terdapat. Butir-butir lengkap mengenai bilangan penuntut-penuntut di yayasan-yayasan pelajaran tinggi di dalam dan luar negeri, mengikut kaum dan kursus boleh Ahli Yang Berhormat dapati daripada Kementerian Pelajaran. Butir-butir itu adalah terlalu panjang untuk saya nyatakan di Dewan ini.

Berdasarkan pada perangkaan-perangkaan yang ada berikut ialah kedudukan secara keseluruhan bilangan penuntut-penuntut yayasan-yayasan pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri mengikut kaum:

	<i>Bumi-putra</i>	<i>China</i>	<i>India dan lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Bilangan penuntut di lima buah universiti	11,220	4,943	839	17,002
Bilangan penuntut di Institut Teknologi Mara, Kolej Tunku Abdul Rahman dan Politeknik Ungku Omar	7,577	4,142	254	11,973
Jumlah ...	18,797	9,085	1,093	28,975
Bilangan penuntut di luar negeri	5,250	20,810	5,840	31,900
Jumlah Besar ...	24,047	29,895	5,933	60,875
Peratusan (%) ...	39.5%	49.1%	11.4%	100%

Daripada perangkaan tersebut nyatalah bahawa masih lagi terdapat kedudukan yang tidak seimbang apabila dibandingkan komposisi penuntut-penuntut itu dengan komposisi penduduk negara ini. Daripada bilangan penduduk Malaysia mengikut banci 1970 yang berjumlah 10,810,000 itu, 55% daripadanya adalah terdiri dari kaum Bumiputra. Tetapi bilangan penuntut Bumiputra yang melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri

hanyalah 39.5%. Sebaliknya kaum keturunan China sungguhpun berjumlah 34.4% daripada bilangan penduduk di negara ini mempunyai bilangan penuntut yang lebih ramai daripada kaum Bumiputra iaitu 49.1%. Begitu juga keadaan dengan kaum keturunan India sungguhpun bilangan penduduknya berjumlah 10.6% tetapi mempunyai bilangan penuntut yang melebihi nisbah penduduknya iaitu 11.4%.

Kalau dilihat perangkaan penuntut di yayasan-yayasan pelajaran tinggi di dalam negeri memanglah bilangan penuntut Bumiputra melebihi bilangan penuntut-penuntut bukan Bumiputra. Oleh itu, izinkan saya memberi ulasan secara detail mengenai perangkaan itu supaya dapat difahami keadaan yang sebenarnya. Daripada jumlah 17,002 orang penuntut yang belajar di lima buah universiti tempatan, seramai 13,339 yang mengikuti kursus ijazah dan bakinya seramai 3,663 mengikuti kursus diploma. Daripada bilangan yang mengikuti kursus ijazah 7,677 (58.5%) adalah penuntut-penuntut Bumiputra, 3,548 (35.5%) penuntut keturunan China, dan 650 (5.0%) penuntut keturunan India dan 134 (1%) penuntut daripada lain-lain kaum. Nyatalah daripada perangkaan tersebut bahawa nisbah bilangan penuntut itu tidaklah jauh bezanya dengan nisbah bilangan penduduk negara ini. Sebaliknya, jika ditinjau daripada aliran kursus yang diikuti oleh mereka itu bahawa nyatalah penuntut-penuntut Bumiputra sangat tertinggal di dalam kursus-kursus aliran Sains. Umpamanya, daripada bilangan 6,319 penuntut yang mengikuti kursus-kursus aliran Sains penuntut Bumiputra yang berjumlah 2,413 (38.2%), penuntut keturunan China 3,548 (56.1%). India dan lain-lain 358 (5.7%). Sungguhpun perangkaan ini meliputi bagi kelima-lima buah universiti tempatan tetapi nisbah bilangan penuntut Bumiputra yang mengikuti kursus-kursus aliran Sains masih jauh tertinggal kebelakang jika dibandingkan dengan penuntut-penuntut yang bukan Bumiputra.

Seterusnya jika dihalusi mengikuti pengajian seperti Perubatan Kejuruteraan dan Sains, terutama di universiti yang lebih tua seperti Universiti Malaya maka jurang ini bertambah nyata. Di tiga buah Universiti Malaya, iaitu Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Perubatan kedudukan

bilangan penuntut mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

	<i>Fakulti</i>	<i>Bumi-putra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Sains	320 18.7%	1,261 73.5%	107 6.2%	27 1.6%	1,715 100%
Perubatan	219 30.7%	395 59.0%	41 6.1%	15 2.2%	670 100%
Kejuruteraan	81 10.1%	693 85.9%	27 3.3%	.6 0.7%	807 100%

Oleh sebab kedudukan seperti itu maka Kerajaan terpaksa mengambil tindakan untuk merapatkan jurang-jurang tersebut dengan mengambil bilangan penuntut-penuntut Bumiputra yang lebih banyak terutama bagi universiti-universiti yang baru ditubuh seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Namun begitu, seperti mana saya nyatakan pada awal tadi bilangan penuntut Bumiputra yang mengikuti kursus-kursus aliran Sains masih lagi jauh daripada mencerminkan nisbah bilangan penduduk Bumiputra.

Jika diambil kira bilangan penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri maka didapati tindakan Kerajaan untuk memperimbangan mengikut nisbah bilangan kaum adalah lebih mengeciwakan. Umpamanya, bagi tahun 1975 bilangan penuntut persendirian yang mengikuti kursus-kursus aliran Sains dan Teknologi di tiga buah negara Komenwel mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Bumi-putra</i>	<i>China</i>	<i>India dan lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>	
United Kingdom	3	748	52	803
Australia	4	235	16	255
New Zealand	1	157	1	159
Jumlah ...	8 0.6%	1,140 93.7%	69 5.7%	1,217 100%	

Bilangan tersebut tidak termasuk penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran mereka dalam jurusan yang sama di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Kanada, India, Jepun dan negara-negara Eropah yang lain. Sungguhpun tidak boleh disangkalkan bahawa Kerajaan mempunyai beberapa rancangan seperti mana yang dijalankan oleh MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menghantar lebih ramai penuntut-penuntut Bumiputra mengikuti kursus-kursus dalam jurusan tersebut di yayasan-yayasan pelajaran tinggi di luar negeri tetapi bilangannya tidaklah dapat

menandingi bilangan penuntut-penuntut tersendiri yang bukan Bumiputra seperti yang dinyatakan tadi.

Oleh itu, bagaimanakah caranya dapat Kerajaan mengurangkan ketidak seimbangan yang terdapat di dalam profesyen-profesyen seperti Perubatan, Kejuruteraan, Accountancy dan lain-lain. Misalnya, dalam bidang Perubatan jumlah "medical practitioners" yang berdaftar di negeri ini adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>Sektor Awam</i>	<i>Sektor Swasta</i>	<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
Bumiputra	83	28	111	4.33
China	528	719	1,247	48.71
India	697	295	992	38.75
Eropah	17	48	65	2.53
Lain-lain	130	15	145	5.66
Jumlah ...	1,455	1,105	2,560	100%

Dengan kedudukan seperti ini walaupun kedua-dua fakulti Perubatan yang ada sekarang itu di Universiti Malaya dan di Universiti Kebangsaan Malaysia mengambil 100% penuntut Bumiputra ke dalam fakulti tersebut tidak akan dapat mengimbangkan kedudukan itu walaupun dalam tempoh 15 tahun yang akan datang. Apatah lagi jika keadaannya seperti yang terdapat sekarang di mana kedudukan penuntut di kedua fakulti itu ialah seperti berikut:

<i>Universiti</i>	<i>Bumi-putra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Universiti Malaya	219	395	41	15	670
Universiti Kebangsaan Malaysia ...	140	10	4	3	157
Jumlah ...	359	405	45	18	827
	43.4%	49.0%	5.4%	2.2%	100%

Sepertimana kedudukannya dengan profesyen perubatan maka begitulah juga keadaannya dengan profesyen kejuruteraan dan berikut ialah perangkaan jurutera-jurutera yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia mengikut kaum:

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Peratus</i>
Bumiputra	324	7.50%
China	3,270	75.75%
India	255	5.9%
Lain-lain	93	2.15%
Bukan Warganegara ...	375	8.69%
Jumlah ...	4,317	100%

Sebagai tindakan untuk merapatkan jurang tersebut Universiti Teknologi Malaysia sebagai salah satu yayasan pelajaran tinggi di

negara ini yang mengeluarkan jurutera-jurutera telah digalakkan mengambil lebih ramai penuntut-penuntut Bumiputra. Sungguhpun begitu masih lagi terdapat jurang perbezaan jika diteliti perangkaan-perangkaan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus Kejuruteraan di peringkat ijazah bagi semua universiti yang menjalankan kursus tersebut iaitu:

<i>Universiti</i>	<i>Bumi-putra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Universiti Malaya	61	693	27	6	787
Universiti Per-tanian Malaysia	24	4	0	0	28
Universiti Tekno-loji Malaysia ...	299	41	4	1	345
Jumlah Besar ...	384	738	31	7	1,160
	33.10%	63.62%	2.67%	0.60%	100%

Jelaslah daripada perangkaan tersebut bahawa jika pengambilan penuntut Bumi-putra mengikut kursus Kejuruteraan berterusan seperti kadar sekarang ini maka matlamat untuk mengurangkan jurang yang ada sekarang ini tidak akan tercapai. Kedudukan ini akan menjadi bertambah buruk lagi jika diperhitungkan bilangan penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang tersebut di luar negeri.

Dengan penjelasan ini saya berharap soal ini tidak dibangkit-bangkitkan lagi dan dasar Kerajaan dapat difaham sepenuhnya. Apa yang diperbuat sekarang ialah dengan hasrat mengurangkan kedudukan tidak seimbang yang tidak sihat bagi masyarakat dan negara kita, sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima oleh semua pihak.

Tuan K. Pathmanaban: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada juga soalan tambahan?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita mengakui bahawa angka-angka yang beliau telah umumkan kepada Dewan ini mengesahkan bahawa kedudukan murid-murid keturunan India di Malaysia tidak memuaskan langsung. Dari angka-angka yang beliau telah berikan bilangan murid-murid keturunan India di universiti-universiti tempatan cuma 6% sahaja. Mengenai angka-angka di luar negeri pula, Yang Berhormat Menteri sendiri saya ingat mungkin mengakui bahawa sebahagian besar

daripada murid-murid yang mengikuti pelajaran mereka di luar negeri adalah yang bukan mengikuti kursus-kursus ijazah atau diploma. Umpamanya, Yang Berhormat Menteri telah memberi angka bahawa 11,100 orang sahaja mengikut kursus-kursus ijazah. Oleh kerana itu, tidaklah patut pada amnya untuk mencampurkan kedua-dua angka ini mengenai murid-murid Malaysia keturunan India luar negeri dan di dalam negeri. Juga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan K. Pathmanaban: Ini mustahak oleh sebab Yang Berhormat Menteri telah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Memang mustahak, tetapi apa soalan tambahannya?

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan yang saya bangkitkan ialah adalah kedudukan murid-murid India tidak memuaskan kerana sebab-sebab saya katakan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sahaja dan jangan bersyarat lebih panjang lagi, itu sudah cukup panjang, sudahlah.

Tuan K. Pathmanaban: Satu sahaja lagi. Angka-angka yang beliau telah beri mengenai murid-murid India termasuk murid-murid yang mengikuti kursus ijazah di luar negeri yang tidak diiktirafkan di negara ini dan oleh kerana itu tidaklah boleh buat comparison mengenai balance dalam admission di universiti-universiti dengan memasukkan angka-angka itu. Murid-murid yang mempunyai ijazah ini, apabila mereka balik ke negara ini di-equate dengan M.C.E. atau H.S.C. sahaja. Dan mengenai angka-angka dari keturunan India termasuk kaum Ceylon yang kedudukan sosio-ekonominya ada lebih baik dan bukanlah mundur sebagai kaum keturunan India di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa kedudukan murid-murid keturunan India di bidang pelajaran tinggi di dalam negara dan di luar negara tidak memuaskan dan apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak mengambil untuk mengatasi kedudukan ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi berasaskan kepada angka-angka yang telah didapati oleh Kementerian Pelajaran. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu ada menyimpan daftar-daftar yang berlainan daripada apa yang telah saya kemukakan tadi. Saya sedia menimbangkan butir-butir yang lanjut yang dapat dikumpulkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya saya dapat menentukan samada angka-angka yang saya beri tadi patut diterima ataupun tidak, tetapi selagi saya tidak mendapat satu senarai yang lebih tepat lagi daripada senarai yang terdapat oleh Kementerian saya, saya tidak dapat berkata samada angka yang saya sediakan tadi tepat atau tidak.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Mengikut laporan daripada Yang Berhormat Menteri tadi kemajuan atau kedudukan pelajar-pelajar bumiputra dalam jurusan sains amat menyedihkan, barangkali lebih sedih daripada penuntut keturunan India. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kelemahan penuntut Melayu dalam jurusan sains ini berpunca di peringkat H.S.C. dan adakah Kementerian Pelajaran telah membuat satu penyiasatan yang menyeluruh, memberikan butir-butir kelemahan pelajar-pelajar bumiputra dalam jurusan sains samada berkenaan dengan kedatangan murid itu, alat-alat perkakasnya, otaknya ataupun dari segi guru yang mengajar. Adakah Kementerian Pelajaran membuat satu laporan yang menyeluruh yang boleh dibentangkan kepada masyarakat Malaysia?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu sebenarnya sudah terkeluar daripada soalan yang asal, tetapi oleh sebab Yang Berhormat Menteri Pelajaran pun telah memberi jawapan yang terkeluar juga daripada soalan asal lebih luas lagi maka bolehlah dijawab (*Ketawa*).

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana terkeluar daripada soalan asal, tetapi oleh kerana begitu banyak soalan yang ditunjukkan kepada Kementerian ini, saya berharap dengan penjelasan ini tidak akan ada soalan tambahan lagi tetapi nampaknya saya gagal.

Berkenaan dengan keraguan Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi, saya sendiri turut berasa sedih. Yang sebenarnya, pihak

Kementerian sekarang telah mengkaji sebab-sebab kelemahan yang terdapat dan setelah kita dapat butir-butir yang tepat barulah kita memikirkan satu cara untuk mengatasinya.

Tuan K. Pathmanaban: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Telok Kemang, apa lagi!

Tuan K. Pathmanaban: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah minta maaf, soalan tambahan boleh lagi.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berasaskan di atas angka-angka Yang Berhormat Menteri sendiri mempunyai

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah angka ini betul ditulis, saya tidak ada catit di sini.

Tuan K. Pathmanaban: Saya ada tulis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau betul ada, baiklah.

Tuan K. Pathmanaban: Berasaskan angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kepada kita, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa kedudukan murid-murid India cukup lemah. Kita tidak ada punca-punca untuk mendapatkan angka-angka pada keseluruhannya seperti Yang Berhormat Menteri boleh mendapati, kejenteraan kita tidak mencukupi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan tadi juga, mana ada soalan yang baru.

TENTERA MERAH JEPUN DI BANGUNAN A.I.A.

14. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah boleh terjadinya peristiwa 5hb Ogos, 1975 di Bangunan A.I.A. Kuala Lumpur oleh Tentera Merah Jepun. Nyatakan sebab-sebabnya mengapa kawalan keselamatan

di Lapanganterbang Antarabangsa Subang begitu longgar hingga gerakan itu berjaya masuk dengan mudahnya dan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan dijalankan untuk memperketatkan kawalan di Lapanganterbang itu; dan

- (b) berapa bilangan anggota-anggota tentera, Polis dan orang awam yang terkorban akibat gerakan jahat anti-Nasional yang menjadi-jadi baru-baru ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapan bagi soalan ini telahpun saya berikan pada 28hb Oktober yang lepas.

- (b) Memandangkan yang soalan Ahli Yang Berhormat itu umum sekali, jawapan yang akan diberi mengenai mereka yang terkorban mati hanya meliputi jangka masa hanya di antara bulan April hingga bulan September, 1975 sahaja.

Pasukan Keselamatan ...	36 orang
Orang Awam	5 orang

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini adakah negara kita meminta tuntutan ganti-rugi daripada Negeri Jepun atas kejadian-kejadian yang dilakukan di Bangunan A.I.A.? Jikalau ada berapa banyak yang kita tuntutan daripada Negeri Jepun itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab tadi. Perkara ini sudah dijawab dahulu dalam masa penggal ini dan mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (d) perkara yang telah dibangkitkan dahulu tidak boleh dibangkitkan lagi. Sudah ada jawapannya dan tidak boleh dibangkitkan lagi.

Tuan S. Samy Vellu: Ini tuntutan daripada negeri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu pun telah ada juga jawapannya.

Tuan S. Samy Vellu: Ada jawapannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, sudah ada jawapannya. Jadi satu-satu jawapan dan pertanyaan yang telah ditimbulkan di dalam penggal ini juga tidak boleh dibangkitkan dalam penggal ini juga tetapi penggal yang lain boleh.

Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kawalan ketat ataupun pemeriksaan yang dijalankan di Lapanganterbang Subang itu hanya kepada mereka yang hendak keluar dan naik kapalterbang sahaja, tetapi tidak kepada mereka yang masuk. Jadi memandangkan supaya trejidi Ogos itu tidak berlaku lagi dan juga memandangkan kepada banyaknya jenayah-jenayah bersenjata haram, adakah Kerajaan bercadang untuk hendak menjalankan juga pemeriksaan semasa mereka masuk samada melalui Lapanganterbang Subang ataupun mana-mana jalan masuk seperti di Tambak Johor, Sungai Golok, Padang Besar atau sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itupun sudah saya katakan tadi. Soalan 14 (a) ini telah dijawab dalam masa persidangan Dewan ini, jadi tidak usah dibangkitkan lagi.

Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, soalan di sini ada menyebut mengenai kawalan di atas Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Jadi soalan tambahan saya berdasarkan kepada soalan asal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dahulu sudah dijawab. Barangkali ingatan Yang Berhormat kurang sedikit. Ada dan sudah dijawab.

KEMATIAN PENUMPANG- PENUMPANG BAS

15. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan penumpang-penumpang bas yang meninggal dunia dalam kemalangan jalanraya bagi tahun 1974 dan 1975 di Malaysia.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bilangan penumpang-penumpang bas yang telah meninggal dunia dalam kemalangan jalanraya bagi tahun

1974 dan 1975 di Malaysia adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Bil. Penumpang Bas Mati</i>
1974	21
1975 (sehingga Oktober, 75)	24hb	27

ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR

16. Tuan Shamsuddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil dalam usaha memperbanyakkan asrama di sekolah-sekolah luar bandar.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya bercadang untuk membina lebih banyak lagi asrama di sekolah-sekolah luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

PEMOGOKAN PEKERJA-PEKERJA KILANG KAYU, IPOH

17. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- sebab-sebab berlakunya pemogokan di kalangan pekerja-pekerja kilang kayu di Ipoh, Perak baru-baru ini;
- samada beliau sedar tentang masalah-masalah yang masih belum selesai dalam soal tuntutan gaji antara Kesatuan Pekerja-pekerja Kilang Papan dan Kayu-kayan Semenanjung Malaysia (Reg. No. 424) dengan pihak Majikan, khususnya The Great Eastern Mills Sdn. Berhad, Ipoh dan Cawangannya di Kuala Krai, Kelantan; dan
- sekim gaji, kola, K.W.S.P. dan lain-lain kemudahan yang dibayar oleh The Great Eastern Mills Sdn. Berhad kepada pekerja-pekerjanya di Cawangan Batu 40 Kuala Krai, Kelantan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua,

- Saya adalah sedar bahawa seramai 129 pekerja-pekerja yang digaji secara langsung oleh South East Asia Lumber

Corporation Bhd. Ipoh, telah dibuang kerja pada 4-9-75 kerana mereka telah dituduh menjalankan kerja berlambat-lambat (go slow) semenjak 28-8-1975. Kesemua 129 pekerja-pekerja ini adalah ahli-ahli Kesatuan Pekerja-pekerja kilang papan dan kayu-kayan Semenanjung Malaysia dan pembuangan kerja ini telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada 26-9-75.

- (b) Sepanjang yang saya ketahui Great Eastern Mills Sdn. Bhd. Kuala Krai, Kelantan, adalah anak syarikat (subsidiary) South East Asia Lumber Corporation Bhd. Ipoh, dan saya percaya kedua-dua syarikat inilah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam soalnya.

Adalah benar bahawa perundingan di antara Kesatuan Pekerja-pekerja Kilang Papan dan Kayu-kayan dengan South East Asia Lumber Corporation Bhd. Ipoh untuk membaharui Perjanjian Bersama yang tamat pada 31-5-1975, telah tidak mencapai apa-apa kejayaan walaupun usaha-usaha runding damai telah dijalankan oleh Kementerian saya. Usaha-usaha runding damai oleh Kementerian buat masa ini terpaksa dihentikan sehingga menunggu keputusan Mahkamah Perusahaan mengenai pembuangan kerja seramai 129 yang saya nyatakan tadi.

Walau bagaimanapun, perundingan di antara Kesatuan dengan Great Eastern Mills Sdn. Bhd., Kuala Krai, telah berjaya mencapai penyelesaian pada 13-9-1975 selepas beberapa perbincangan bersama diadakan di Kementerian saya.

- (c) Gaji dan lain-lain faedah yang dibayar kepada pekerja-pekerja di Great Eastern Mills Sdn. Bhd. Kuala Krai adalah terkandung di dalam Perjanjian Bersama di antara Kesatuan dan Syarikat tersebut yang telah diberi pengiktirafan oleh Mahkamah Perusahaan pada 20-10-75. Jika Ahli Yang Berhormat itu ingin melihat Perjanjian Bersama itu, Kementerian saya adalah sedia memberinya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENG- AMBILAN TANAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (1hb Disember, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menamatkan ucapan menggulung perbahasan.

Kepala B. 19 (Jadual)—

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, sekarang saya meneruskan jawapan saya berhubung dengan Belanjawan Tahun 1976, Kementerian Perusahaan Utama yang telah ditangguhkan semalam, dan saya mohon izin bercakap di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan Izin) Mr Chairman, Sir, I have spoken yesterday on some of the steps taken to see that rubber producers, particularly the smallholders, can obtain fair and adequate prices for their rubber. The Honourable Member for Matang has also suggested that the number of rubber purchasing centres of RISDA be increased. I would like to assure the Honourable Member that where necessary RISDA would certainly do so, especially in areas where it is found that smallholders are not getting fair prices. This would also be of some assurance to the Honourable Member for Dungun who is worried that direct purchase by Government agencies might drive out dealers from earning a livelihood.

In reply to another point made by the Honourable Member for Matang, I would like to clarify that the issue of rubber licences is done by the Licensing Authorities established in the respective States and not from Kuala Lumpur. For the convenience of smallholders, the Authority even go down to the kampungs to facilitate their obtaining the licences.

Again, on the question of prices—but this time in relation to tobacco—I would like to inform the Honourable Member for Ledang and the Honourable Member for Dungun that the National Tobacco Board is building up its staff with a view to enable better supervision over the marketing of tobacco leaves. Because of the large number (about 120,000) of tobacco farmers, it is hoped that the farmers will also assist the Board by reporting to the Board any unfair practices by buyers. The Tobacco Board is keeping under review the price of green and cured tobacco leaves all the time. Since the last increase in price, which was made effective from 1st May, 1974, I wish to state that there should be some balance between supply and demand in order to sustain satisfactory prices. For this purpose, the Board does exercise strict control over production so as to guard against over-production. The Board is also assisting farmers to improve the quality of the tobacco leaves and to reduce the cost of production whenever possible.

Both the Honourable Members for Mukah and Setapak have touched on the need to increase domestic utilisation of our timber.

In this connection, I would like to state that the Malaysian Timber Industry Board is setting up a Technical Services Division which would be geared towards promoting the greater use of timber for building, construction and other purposes.

In reply to the Honourable Member for Mukah, the Board's activities will not apply to Sabah and Sarawak until such time as the respective State Governments concerned adopt the extension of the Malaysian Timber Industry Board Act for application in the particular State concerned. In the meantime, as a result of the Government's encouragement, there is a greater interest already in using timber in housing and construction, especially in Government projects. Recently, insurance companies have agreed to reduce the premium on insurance of timber houses whilst the necessary building by-laws are being amended to encourage the construction of timber houses. I see no reason, therefore, why banks should still be reluctant to give loans to timber houses as alleged by the Honourable Member for Setapak.

The Timber Board is also giving a great deal of attention and effects towards improving the marketing of our timber products, particularly during the current recession. This is reflected by the Timber Missions which have been organised to West Asia and the E.E.C. During the recent tour of the E.E.C., the Timber Mission has secured additional sales of timber products amounting to \$15 million and has strengthened the relations between Malaysian exporters and European buyers.

These efforts to improve oversea market opportunities by the Timber Board would be further expanded in time to come as the Board builds up its staff and machinery, and such market promotion will be used as a vehicle towards assisting domestic industries in rubber processing, upgrading and diversification of their products.

In reply to the Honourable Member for Dungun, the Timber Board will work closely together with other Federal agencies concerned such as the Forestry Department and FIDA to assist State Governments in promotion and development of viable wood-based industries in the States concerned.

In this connection, the Timber Board would give special attention towards assisting small producers and particularly Bumiputra companies to produce the type of products required by oversea markets and to assist them in their marketing efforts.

I would also like to state that the Timber Board is presently engaged in improving the existing system of buying, selling and marketing of timber within the country. For this purpose, the Board is working out a form of standard contract to be used by the trade and the industry, so that transactions would be fair and contracts would be adhered to properly between buyers and sellers.

The Honourable Member for Batu Pahat referred to the need to improve pineapple cultivations through the grant of a fertiliser subsidy. I would like to inform the Honourable Member that since 1972, the Government has initiated a replanting scheme for the pineapple planting and the canning industry with a grant of \$600 per acre under the Malaysian Pineapple Industry Board. The replanting grant already includes provision for the necessary fertilisers amounting to 600 pounds per acre. To date, the Malaysian Pineapple Industry Board has undertaken the planting of about 5,000 acres. It is hoped that more and more smallholders will come forward to take advantage of the pineapple replanting scheme.

The Honourable Member for Mukah has also touched on the need to pay attention to other commodities other than rubber and pepper as far as Sarawak is concerned. I would like to state that while the rubber replanting programme is directed to replanting old rubber trees with high yielding materials, this does not exclude the rubber replanting grant being utilised towards the planting of oil palm, coconut and other approved crops in cases where the cultivation of such other crops is deemed to be more appropriate.

On the steps towards improving coconut marketing, pricing smallholders' income, etc., as raised by the Honourable Member for Kuala Selangor, I would like to inform him that these matters are largely under the purview of the Ministry of Agriculture and Rural Development rather than the Ministry of Primary Industries.

Saya rasa itulah sahaja jawapan saya, dan apa-apa yang saya tidak jawab telahpun dicatatkan dan diambil tindakan. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,657,000 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$32,997,339 untuk Kepala P. 19 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara 1976.

Kepala B. 21 (Jadual)—

Kepala P. 21 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.46 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya memohon mengemukakan supaya Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1976 di bawah kepala B. 21 sebanyak \$14,298,700 dan di bawah Kepala P. 21 sebanyak \$3,406,336 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Dengan perbelanjaan sebanyak yang dipinta itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1976 akan terus bergiat dalam ketiga-tiga bidang ke arah membentuk satu masyarakat Malaysia yang berkeperibadian sendiri, tekun, bersatupadu serta berdedikasi terhadap perinsip-perinsip Rukunegara. Dalam usaha mencapai matlamat ini, perhatian yang berat akan diberi bagi melibatkan semua kaum dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan, belia dan sukan. Belia-belia dari berbagai kaum di kampung-kampung baru dan lama, di estet-estet dan di bandar-bandar telah dihubungi bagi kegiatan-kegiatan dalam ketiga-tiga bidang seperti mengadakan kursus-kursus seminar, latihan termasuk latihan vokesyenal, kelinik-kelinik sukan, pementasan, pertandingan, penerangan dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, sepanjang tahun 1975, Kementerian saya telah memberi perhatian yang begitu mendalam terhadap hal ehwal serta kegiatan-kegiatan belia di negara ini. Kementerian saya telah sentiasa menyedari betapa besarnya peranan yang dimainkan

oleh belia sesuai dengan cita-cita pembangunan, perpaduan dan keselamatan negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada tiap-tiap tahun Kementerian saya telah membelanjakan lebih kurang 50% daripada jumlah Belanjawan Kementerian ini untuk kegiatan-kegiatan dan projek-projek belia. Dalam tahun 1974 perbelanjaan sebenar yang ditanggung bagi kegiatan-kegiatan belia ialah \$5,331,027. Manakala peruntukan yang diberi dalam tahun 1975 pula berjumlah \$5,717,372. Memandangkan betapa perlu kita memberi perhatian yang lebih mendalam terhadap belia-belia, maka pada tahun 1976 Kementerian ini telah memperuntukkan belanjawan yang berjumlah \$7,507,666 untuk kegiatan-kegiatan dan projek-projek belia di seluruh negara. Daripada jumlah ini \$2,038,090 adalah diuntukkan bagi Hal Ehwal Belia, di mana di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Bahagian ini termasuklah perlaksanaan Rancangan Projek Belia Peladang, mengadakan kursus-kursus pimpinan, seminar, khemah kerja serta lawatan-lawatan sambil belajar. \$5,383,376 pula diperuntukkan bagi pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Peretak. Manakala \$87,200 untuk Biro Bimbingan Belia. Jadi, dengan peruntukan-peruntukan itu maka usaha-usaha memberi latihan serta kemahiran terutama sekali kepada belia-belia yang mempunyai kelayakan akademik yang rendah akan terus dipergiatkan lagi bagi membolehkan mereka menjalankan perusahaannya sendiri dan mendapat pekerjaan.

Dalam tahun 1975, sejumlah 292 orang belia telah diambil memasuki Pusat Latihan Belia Dusun Tua dalam bahagian Belia Pelupor untuk mengikuti berbagai kursus vokesyenal dan seramai 279 orang pula memasuki Belia Pembena Negara. Dengan angka ini maka jumlah belia-belia yang telah mendapat latihan di Dusun Tua semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1966 ialah 4,852 orang dalam Bahagian Pelupor dan 14,144 dalam Bahagian Pembena. Kementerian saya akan berusaha supaya bilangan ini ditambah lagi dalam tahun-tahun akan datang. Saya juga bersyukur kerana sebilangan besar kursus-kursus yang ditawarkan di Pusat sekarang ini telah mendapat sijil Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Pertukangan yang diiktiraf oleh pihak majikan. Di samping itu bilangan kursus-kursus yang sedia ada juga akan ditambah, terutamanya dalam bidang perniagaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, belia-belia yang mendapat latihan di Pusat Latihan ini akan mempunyai masa depan yang baik. Saya suka nyatakan iaitu kira-kira 90% daripada jumlah pelatih-pelatih di Dusun Tua itu telah mendapat pekerjaan dalam Sektor Awam dan Swasta. Ini dibolehkan dengan adanya Biro Bimbingan di Kementerian ini yang mempunyai peranan memberi bimbingan-bimbingan kepada belia-belia lepasan Dusun Tua bagi mendapat pekerjaan serta menjalankan perusahaannya sendiri. Dalam tahun 1975 Biro ini telah berjaya mendaftar seramai 34 sebagai Kontrektor Kelas "F" dan seorang sebagai Kontrektor Kelas "EX".

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sedar bahawa Pusat Latihan Dusun Tua yang ada sekarang ini tidak dapat menampung kesemua belia dari seluruh negara yang memerlukan latihan. Oleh itu, di samping latihan-latihan yang diberikan di Dusun Tua, Kementerian saya juga menjalankan latihan-latihan secara "non-formal" atau tidak formal dan latihan-latihan sambil bekerja, yakni on the job training serta projek-projek lain dalam usaha melengkapkan diri dan memperbaiki kedudukan ekonomi belia-belia. Di antara projek-projek ini ialah Rancangan Projek Belia Peladang yang setakat ini telah menunjukkan kejayaan yang sungguh menggalakkan. Projek ini mula dilancarkan dalam bulan September, 1972 dan sehingga tahun 1973 sebanyak 318 projek telah dijalankan. Bilangan ini telah meningkat dan sehingga bulan Jun, 1975 bilangan projek di bawah rancangan projek Belia Peladang ini telah meningkat kepada 845 yang melibatkan 7,018 orang belia. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1975, Kementerian ini tidak dapat melaksanakan sepenuhnya rancangan ini kerana kekurangan peruntukan. Peruntukan bagi projek Belia Peladang dalam tahun 1975 hanyalah berjumlah \$700,000 sahaja. Dalam tahun 1976, dengan peruntukan yang berjumlah lebih kurang \$900,000 yang telah diuntukkan bagi projek ini, maka Kementerian saya berharap akan dapat melaksanakan rancangan ini dengan lebih banyak lagi.

Memandangkan kejayaan yang telah dicapai dalam rancangan Projek Belia Peladang ini, maka dalam tahun 1976, Kementerian saya akan melancarkan Rancangan-rancangan Kooperasi dan Perniagaan bagi

belia-belie, iaitu sebagai tambahan daripada Projek Belia Peladang yang sedang berjalan dengan baik sekarang ini.

Tuan Pengerusi, sesuai dengan konsep kerjasama serantau, maka suka juga saya nyatakan di sini iaitu satu badan yang dinamakan "Committee for Asean Youth Cooperation" telah ditubuhkan dan dengan penubuhan badan ini, maka dapatlah digembelngkan tenaga-tenaga belia bagi mempereratkan kerjasama belia di rantau ASEAN dalam bidang-bidang yang mempunyai persamaan untuk kemajuan belia dan negara di rantau ini. Badan ini akan bekerja rapat dengan Pertubuhan ASEAN menerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Sosial. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, badan ini akan melibatkan belia-belie dalam lapangan-lapangan sukan, kebudayaan dan sosial, latihan-latihan yang tidak formal dan lawatan-lawatan belia.

Satu lagi masalah yang sering diperkatakan pada masa sekarang ini yang terdapat di kalangan belia-belie ialah masalah penyalahgunaan dadah. Kementerian saya juga telah dan akan berusaha bersama-sama dengan agensi-agensi lain bagi mengatasi masalah ini. Usaha memerangi masalah sosial dan penyalahgunaan dadah dijalankan oleh Kementerian saya dengan cara memberi penerangan dan latihan kepada pegawai-pegawai dan membantu Pertubuhan-pertubuhan Belia untuk mengadakan kursus-kursus dan sebagainya.

Pada tahun 1975 Kementerian saya telah mengadakan 17 kursus anti dadah termasuk satu di peringkat kebangsaan. Kementerian saya berharap usaha-usaha ini akan dapat dipesatkan lagi dalam tahun 1976.

Di samping itu, Kementerian saya juga akan berusaha dengan seberapa yang boleh untuk melibatkan lebih ramai lagi belia-belie bukan Melayu menyertai pertubuhan-pertubuhan belia, dengan menubuhkan persatuan belia di estet-estet, kampung-kampung baru dan di kawasan-kawasan bandar. Seramai 14 orang pegawai bukan Melayu akan diambil untuk menarik lebih ramai lagi belia-belie bukan Melayu masuk persatuan-persatuan belia. Setakat ini Kementerian saya telah menubuhkan 193 pertubuhan belia di kampung-kampung baru yang melibatkan

seramai 10,800 orang belia bukan Melayu. Usaha-usaha ini akan dilipatgandakan dalam tahun 1976.

Tuan Pengerusi, dalam bidang kebudayaan pula, usaha-usaha meluaskan pengenalan kebudayaan negara dan memupukkannya supaya menjadi teras perpaduan dan perkembangan akan diteruskan. Usaha mencungkil unsur-unsur kebudayaan tradisional, meninggikan mutu dan menggalakkan perkembangannya dalam konteks sekarang adalah ditekankan supaya ianya dapat menarik perhatian dan menggalakkan penglibatan masyarakat di negara ini. Cara Kementerian ini bertindak ke arah usaha-usaha tersebut ialah dengan menjalankan penyelidikan dan menerbitkan buku-buku yang dapat meluaskan pengetahuan masyarakat terhadap kebudayaan tradisional dan kebudayaan amnya serta memberi galakan, latihan serta pertunjukkan, pameran dan sebagainya. Dalam tahun 1974 Kementerian ini telah membelanjakan wang berjumlah \$1,029,338 untuk kegiatan-kegiatan penyelidikan serta penggalakan dan perkembangan bakat-bakat kebudayaan di Malaysia. Manakala dalam tahun 1975, peruntukan bagi kegiatan-kegiatan kebudayaan ialah \$1,605,916. Dalam tahun 1975 ini lebih daripada 100 projek penggalakan kebudayaan telah diadakan di seluruh negara. Di samping itu Kementerian ini juga telah bekerjasama dengan badan-badan yang berkenaan untuk menunjukkan contoh-contoh kebudayaan kebangsaan Malaysia di luar negeri dengan tujuan memperkenalkan negara ini di negara-negara lain dan menarik pelancung-pelancung ke negara ini. Kementerian ini juga telah menerbitkan enam jenis buku-buku kebudayaan hasil penyelidikan dan kertas-kertas kerja seminar yang dijalankan oleh Kementerian ini. Dalam tahun 1976 pula, peruntukan sebanyak \$1,717,394 telah disediakan bagi kegiatan-kegiatan kebudayaan. Dengan peruntukan yang diberi dalam tahun 1976 ini, maka usaha-usaha yang lebih giat, lebih mendalam dan lebih meluas lagi akan dilaksanakan. Daripada jumlah ini \$1,384,369 adalah untuk kegiatan-kegiatan dalam penggalakan dan perkembangan bakat-bakat kebudayaan dan \$333,025 untuk penyelidikan kebudayaan. Permulaan terhadap menggalakkan masyarakat menggerakkan kegiatan kebudayaan dalam konteks kehidupan masyarakat itu sendiri akan dirancangan dalam tahun ini. Kementerian ini juga akan menguatkan lagi

konsep Panggung Negara supaya konsep dan aktiviti-aktivitinya akan menjadi lebih teguh dan maju sementara menunggu pembinaan Kompleks Panggung Negara. Kementerian saya juga sedang mengatitkan penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Dalam Hal Ehwal Kebudayaan untuk memberi nasihat dalam pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan khasnya dan berkenaan dengan kebudayaan amnya.

Mengenai sukan pula dengan peruntukan yang diberi sebanyak \$1,569,615 maka Kementerian saya akan terus mengadakan beberapa kegiatan yang bertujuan melibatkan lebih banyak penyertaan dalam sukan dan memupuk bakat baru dengan tujuan meninggikan mutu sukan negara. Dalam tahun 1975 peruntukan sebanyak \$1,286,132 telah diberi untuk kegiatan-kegiatan sukan. Kementerian saya dalam tahun 1975 telah mengadakan 140 kursus-kursus pengalakan sukan dan 137 kem bakat serta kelinik-kelinik sukan di seluruh negara. Dengan mengadakan kursus-kursus, kelinik-kelinik sukan serta kem-kem bakat maka dapatlah kita memerhati bakat-bakat baru di mana mereka ini diberi bimbingan yang sempurna supaya mampu mengambil tempat pemain-pemain kebangsaan dari masa ke semasa. Tahun 1975 juga telah menunjukkan kejayaan negara kita dalam bidang sukan. Kementerian ini telah membelanjakan sebanyak \$850,000.00 dalam kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa seperti kejohanan Hoki, Piala Dunia Ketiga, Kejohanan Menembak Asia Ketiga, Kejohanan Badminton Jemputan Sedunia Ketiga, Latihan untuk Piala Thomas dan juga latihan untuk peserta-peserta sukan ke Sukan SEAP.

Dalam menjalankan kegiatan-kegiatan kebudayaan, belia dan sukan, Kementerian saya berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan tempat bergiat melalui pembinaan Kompleks Pelbagaiguna. Kompleks ini dilengkapi dengan dewan, bilik kegiatan, gelanggang sukan dan bila semua peringkat pembinaan dicapai, akan terdapat juga kemudahan-kemudahan asrama dan kolam mandi. Dalam tahun 1974, Kementerian saya telah membelanjakan wang sebanyak \$1,066,833 bagi menyiapkan Kompleks Pelbagaiguna Negeri Johor dan Negeri Sembilan manakala dalam tahun 1975 \$743,000 telah

diuntukkan bagi pembinaan kompleks-kompleks Negeri Melaka dan Pahang. Sehingga akhir tahun 1975 ini, tiap-tiap negeri telah mempunyai sebuah Kompleks Pelbagaiguna kecuali Kelantan dan Sabah di mana tapak yang sesuai belum diperolehi lagi. Dalam tahun 1976 dengan peruntukan sebanyak \$856,295 Kementerian saya akan berusaha membina Kompleks Pelbagaiguna di Negeri Kelantan di samping menyiapkan kompleks di Negeri Pahang. Pada tahun 1976, iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya juga telah merancang akan membina beberapa kemudahan serta projek-projek baru bagi mengadakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan untuk kegiatan-kegiatan kebudayaan, Belia dan Sukan di seluruh negara. Di samping itu beberapa bangunan baru seperti asrama sedang dibina di Dusun Tua sekarang ini dan pada tahun hadapan usaha-usaha membina bangunan pejabat, bilik-bilik darjah dan gimnasium akan dimulakan.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya memohon sekali lagi supaya Anggaran di bawah Kepala B. 21 dan Kepala P. 21 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4.04 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap untuk menyokong Anggaran Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjumlah lebih daripada \$17 juta. Saya rasa peruntukan sedemikian tidak mencukupi.

Sekarang saya akan bercakap mengenai Kepala B. 21, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Tajuk (ii) mengenai Perkhidmatan Luar bagi Penggalakan Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di sini yakni apa yang saya sebutkan dalam soalan tambahan saya mengenai jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sekejap tadi mengatakan bahawa kita tidak mempunyai kemampuan untuk mendirikan sebuah Akademi Seni Budaya yang patut diadakan di Malaysia ini. Saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya pihak Kementerian ini merancangkan bagi menubuhkan sebuah Akademi yang tersebut kerana saya rasa setakat ini pihak Kementerian hanya mempunyai Balai Seni Lukis Negara, Panggung Negara yang akan

dijalankan dan penyelenggaraan Taman Budaya Negara. Saya rasa akademi ini perlu diwujudkan sebagaimana pernah dilakukan di Indonesia. Saya berpendapat demikian kerana saya dapati bahawa golongan-golongan keriuwan ataupun golongan-golongan yang menghasilkan sesuatu seni di bawah tajuk kebudayaan bangsa yang melibatkan para penulis tanahair, yang melibatkan para seniman tanahair, yang melibatkan ahli-ahli muzik, yang melibatkan ahli-ahli tari, yang melibatkan kesenian-kesenian daerah, harus perkara ini semua dikaji secara ilmiah dan harus diwujudkan sesuatu bidang pengkajian yang khusus di Malaysia ini. Saya berpendapat bahawa ramai benar para penulis yang ada di tanahair kita ini yang tidak mempunyai kesempatan untuk memperdalam ilmu pengetahuan mereka di bidang-bidang kreatif. Apa yang pihak Kementerian ini akan mengadakan ialah akan menghantar beberapa orang setahun, umpamanya, mulai pada tahun 1976, akan menghantar seseorang penulis yang dipilih oleh pihak Kementerian untuk melanjutkan pelajaran mereka di bidang penulisan kreatif di Universiti Sains Malaysia. Saya rasa kalaulah semacam itu gayanya pihak Kementerian ini menghantarkan seorang dua sahaja setahun, saya rasa tidak mencukupi kerana memandang kepada banyaknya para penulis tanahair, para penyajak, para penyair, para seniman yang boleh dianggapkan sebagai para penterjemah kepada norms, custom dalam masyarakat maka elok mereka ini dilatih dengan sepenuh-penuh masa dan diadakan suatu institusi yang khusus untuk memperdalam lagi secara ilmiah.

Kedua masalah seni muzik. Kita dapati bahawa muzik kita sekarang ini hasil daripada pengalaman pahit barangkali kemungkinan setelah kita tidak ada lagi P. Ramlee umpamanya, nampaknya bidang nyanyian, bidang muzik kita telah begitu berkecamuk dan saya rasa ini perlu dipertahankan dengan unsur-unsur Melayu.

Selain daripada itu, kita lihat pula soal-soal tarian. Kalau di Indonesia kita mempunyai Akademi Seni Tari. Tarian-tarian yang ada di Malaysia ini kita dapati setakat ini adalah tidak teratur. Apa yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian barangkali untuk menyelaraskan satu dua jenis tarian sedangkan oleh kerana masyarakat kita ini masyarakat yang majemuk (plural society)

maka kita dapati bahawa banyak lagi tarian-tarian rakyat daripada berbagai-bagai golongan rakyat itu dapat dipertahankan kalau sekiranya Akademi Seni Budaya itu diwujudkan di Malaysia ini.

Selain daripada itu, pihak Kementerian sekarang ini cuba mencungkil bakat-bakat yakni kesenian rakyat di seluruh negara. Saya rasa cara kita mencungkil bakat-bakat daripada negeri-negeri tertentu, umpamanya, kesenian rakyat seperti Mak Yong, Dikir Barat, Boria ataupun Kuda Kepang atau lain-lain itu, kalau kita tidak pertahankan betul-betul, kalau tidak ada jenerasi-jenerasi yang akan mengkaji secara ilmiah akan sifat-sifat kesenian daerah itu, mungkin pada satu hari perkara ini tidak akan menjadi standardised. Umpamanya, kalau kita cuba mengkaji Dikir Barat, kita tahu bahawa Dikir Barat yang dilakukan di Kelantan akan berlainan mungkin dengan Dikir Barat yang dilakukan di sebelah Thailand. Ini saya rasa perlu pihak Kementerian sekarang ini mengwujudkan satu Akademi Seni Budaya yang akan membuat pengkajian khusus kepada bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyebut tentang kedudukan Persatuan-persatuan Penulis Tanahair. Sekarang ini kita lihat banyak Persatuan-persatuan Penulis seperti PENA, GATRA., P.P.K., GAPENA dan sebagainya yang kadang-kadang ber-canggah sesama sendiri. Ini perlu diawasi benar-benar oleh pihak Kementerian dengan cara mengadakan Akademi Seni seperti yang saya sebutkan tadi. Kalau tidak maka SAYEMBARA, pertandingan Novel, Pertandingan Sajak, Syair dan sebagainya akan menjadi berkecamuk dan berpecah-belah di antara mereka sesama sendiri. Apa yang berlaku baru-baru ini umpamanya, mengenai suatu pertandingan Novel yang akan di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Tun Mustapha. Perkara ini harus tidak berlaku lagi kerana tidak adanya penyalarsan dan kerjasama di antara persatuan-persatuan penulis yang ada di tanahair.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya rasa elok pihak Kementerian setelah mengadakan akademik seni budaya itu menyelaraskan kedudukan semua sekali

persatuan-persatuan penulis tanahair kerana mereka ini tentu sekali merupakan suatu jenerasi, suatu angkatan yang betul-betul boleh menterjemahkan seluruh bidang seni keriasi yang ada di Malaysia ini dan menggambarkan secara simbol atau tidak kepada kedudukan masyarakat yang majemuk ini. Saya rasa dengan adanya penyalarsan yang demikian, pihak para penulis dapat menghasilkan sesuatu yang baik untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat kita sendiri. Saya rasa pihak Kementerian harus mengambil alih segala pertandingan-pertandingan yang berbentuk pertandingan penulisan keriasi seumpama itu, pertandingan nobel, pertandingan sajak, syair dan sebagainya. Saya rasa kalau perkara ini tidak diambil alih oleh pihak Kementerian sendiri akan berlakulah beberapa perkara yang tidak disukai di dalam masyarakat kita sendiri.

Mengenai persatuan-persatuan belia juga, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian secara langsung mengambil alih ataupun menstandardisekan semua peraturan-peraturan yang berlaku di dalam menubuhkan sesuatu kelab belia ataupun persatuan belia, kerana ini mungkin dapat mengatasi pertelingkahan juga sesama sendiri sebagaimana yang berlaku pihak persatuan belia yang saya tidak suka sebutkan namanya di sini—dua gergasi belia yang ada di Malaysia ini, kadang-kadang bertelingkah sesama sendiri kerana personality clashes dan sebagainya. Jadi, eloklah pihak Kementerian mengkaji balik supaya undang-undang dasar persatuan-persatuan belia itu diselaraskan untuk seluruh Malaysia. Saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

4.12 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya suka menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Memandangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah satu-satunya Kementerian yang patut diberi perhatian yang sewajarnya, saya menyokong Kepala B. 21 dan Kepala P. 21.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya golongan belia inilah yang sangat mustahak dilatih, dipimpin dan diberi kesedaran, kerana merekalah yang akan bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan tanahair.

Tuan Pengerusi, kalau belia-belie ini ditinggalkan atau dipandang sepi oleh Kerajaan maka golongan-golongan inilah akan menjadi orang-orang yang tidak tentu haluan dan akan senang dihasut oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Saya harap Kerajaan akan memberi tambahan peruntukan kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, yang mendukacitakan saya ialah bila kita kata belia hanya belia-belie Melayu sahaja yang mengambil peranan, yang lain ambil endah tidak endah sahaja. Sepatutnya semua kaum di negara ini lapisan umur yang dikehendaki sebagai seorang belia diberi tahu betapa baiknya kita mempunyai kumpulan-kumpulan atau persatuan-persatuan, kerana apabila dapat disatukan kumpulan-kumpulan atau persatuan-persatuan belia ini dapat diberi kursus sivik, diberi penerangan tentang apa-apa yang sedang terjadi seperti menyalahgunakan dadah dan perkara-perkara yang akan merbahayakan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, menyentuh Pecahan-kepala 1200 iaitu di dalam bidang kursus latihan sukan dan kebudayaan adalah memuaskan tetapi, Tuan Pengerusi, masih kekurangan baik dari segi alat-alat muzik dan disegi alat-alat permainan seperti padang bola, gelanggang sepak takraw dan sebagainya. Pada masa yang lalu, belia-belie kita sangat mengambil berat di dalam perkhidmatan sosial menjadi belia peladang dan menolong di masa mengadakan gotong-royong. Di waktu sekarang tenaga-tenaga belia sangat-sangat diperlukan di dalam menjalankan Rukun Tetangga. Mereka ini mempunyai tenaga yang kuat dan cergas untuk mengejar musuh sebagai pencuri dan pelampau-pelampau yang ingin merosakkan keamanan.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju jika Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memberi arahan kepada Pegawai-pegawai Belia Negeri dan Daerah-daerah supaya menubuhkan kesatuan-kesatuan belia yang mempunyai ahli dari semua kaum di dalam tiap-tiap satu pertubuhan belia, lainlah kalau persatuan belia ini terletak di luar bandar. Yang saya maksudkan ialah di dalam bandar-bandar sahaja. Sebagaimana kita nampak di dalam buku kita tadi bila kita kata ping-pong terbayanglah di hadapan kita

belia-belie itu daripada orang-orang yang bukan Melayu dan bila kita kata sepak takraw, maka nampak pula belia-belie Melayu yang bermain sepak takraw tadi. Jadi, kalau satu-satu persatuan itu diadakan ahli-ahli daripada semua kaum di sini baharulah dapat kita memupuk semangat bersatupadu dan cinta kepada negara ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala 2900, Aktiviti (3) (ii)—Biro Bimbingan Belia. Saya harap Kerajaan akan menambahkan lagi pusat-pusat latihan belia atau mana-mana Kementerian yang ada jurulatih-jurulatih yang boleh mengajar belia ini dari segi pertukangan tangan dan alat-alat jentera supaya mereka tidak banyak menganggur, kerana kita tahu selepas ini sahaja banyak pemuda-pemuda atau belia-belie kita dari lepasan peperiksaan ini berjumlah beribu-ribu akan menganggur tidak dapat pekerjaan. Jika ada di mana-mana Kementerian; baharu-baharu ini saya tengok Kementerian Perhubungan, kita ada pergi ke pusat latihan Talikom dan kita nampak belia-belie sedang membuat kerja-kerja. Sungguhpun kita rasa memuaskan tetapi dengan bilangan yang kecil tidak dapat menampung belia-belie lepasan peperiksaan, dan saya haraplah jika ada tempat-tempat begini diberitahu kepada kesatuan-kesatuan belia di daerah-daerah supaya dapat mendaftarkan belia-belie ini.

4.18 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan saya berharap sangatlah peruntukan kepada Kementerian ini patut ditambah lagi memandangkan banyak projek-projek yang terpaksa dibuat demi kepentingan belia-belie yang mana kita tahu belia-belialah sebagai bakal mewarisi negara kita di masa akan datang. Kalau belia baik di masa akan datang maka baiklah negara kita. Tuan Pengerusi, bercakap mengenai latihan di Dusun Tua, saya dapat tahu banyak daripada belia-belie yang datang berkursus ada di antaranya dapat pekerjaan dan ada di antaranya tidak dapat pekerjaan.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat ini membacakah atau berucap?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya berucap, Tuan Pengerusi.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya harap Yang Berhormat berucap, sekali-kali bolehlah merujuk kepada kertas ucapan itu. Sila teruskan ucapan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, Tuan Pengerusi, kedatangan banyak belia-belie yang datang berkursus, ada di antaranya dapat pekerjaan dan ada di antaranya tidak dapat pekerjaan. Maka dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan hendaklah kursus-kursus yang diadakan di Dusun Tua ini sebagai satu kursus jaminan kepada belia-belie yang datang ke situ mestilah dapat pekerjaan, sebagai satu tempat yang kita ibaratkan sebagai sebuah sekolah yang dapat satu-satu degree yang tertentu kepada belia-belie. Tuan Pengerusi, saya dapat tahu juga sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi akan ditambah dan saya tahu juga yang mana tempat ini tidak cukup. Dengan sebab itu, saya berharaplah kadang-kadang segala kursus ini diadakan semuanya dipusatkan di Ibu Negara di Kuala Lumpur. Dan kerap kali saya dapat tahu juga bahawa Tuan Pengerusi bersetuju dengan saya, makanan dan segala-galanya di Kuala Lumpur kalau hendak dibandingkan dengan Perlis, Pulau Pinang dan Kedah tentulah lebih mahal. Untuk menjimatkan belanja dan membanyakkan lagi tempat kursus, saya berharap patutlah Kementerian yang berkenaan selain daripada yang ada di Kuala Lumpur, di Dusun Tua dan Pertak patut diadakan juga di utara Malaysia seperti tempat yang saya katakan tadi di Perlis itu terlampau ke utara, misalnya, di Pulau Pinang ataupun di Kedah diuntukkan kepada belia-belie di utara supaya dapat menampung lebih banyak lagi belia-belie dan diberi kursus yang sebagaimana yang saya katakan tadi diberi jaminan supaya dapat pekerjaan kepada belia-belie. Saya berharap sangatlah belia ini setelah masuk kursus janganlah mereka ini semata-mata dapat pekerjaan sebagai buruh kasar sahaja. Saya juga berharap mendapat layanan yang baik dan latihan yang cukup.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada belia-belie kita pada hari ini sungguhpun ada kursus bimbingan, latihan dan tarian, saya tidaklah bangkang 100%, kerana tarian itu kita juga tentu ingin keseronokan termasuklah juga Tuan Pengerusi sendiri agak saya. Tetapi kursus tarian ini kalau kita tidak beri

kursus sekali pun, agak saya tidak lebih daripada lima minit orang-orang yang hendak menari tadi dengan sendirinya tahu. Saya fikir kursus yang begitu tidak payahlah kita galakkan sangat dan kepada orang-orang yang minat boleh belajar dan boleh jadikan satu mata pencarian kepada mereka.

Tuan Pengerusi, Kementerian yang berkenaan patut juga banyakkannya lagi kursus-kursus pertanian supaya belia itu dapat pekerjaan dan lebih dedikasi yang sebenar. Saya amatlah sedih kerana kebanyakan belia kita apabila tamat daripada sekolah sebelum mendapat kerja seolah-olah dia memandang Kerajaan dan negara kita ini tidak guna kerana mereka tidak mendapat pekerjaan. Dengan sebab itu, patut diberi satu latihan dedikasi menambah semangat walaupun mereka tidak mendapat kerja daripada Kerajaan, tetapi bekerja sendiri dengan penuh semangat tanggungjawab dan dengan sebolehnya diberi kepada mereka itu kursus-kursus pertanian, khasnya sebagaimana negeri-negeri yang telah banyak pertanian seperti Perlis dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kita memandang negeri-negeri yang bersempadan seperti Kedah, Perlis dan Perak agak saya patut sangatlah diberi kursus-kursus bersangkutan dengan keselamatan memandang apa telah berlaku pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian yang berkenaan berhubung rapat dengan Kementerian Pertanian khasnya berkenaan dengan Syarikat Kerjasama untuk memberi bantuan kepada belia menjalankan perniagaan. Kita tahu hari ini telah banyak belia-belia, ada di antaranya 4B dan M.A.Y.C. yang telah menubuhkan syarikat sendiri ataupun pekerjaan sendiri dengan mengadakan kedai jahit dan sebagainya. Belia ini ada keinginan untuk menjalankan perniagaan yang saya katakan itu, tetapi oleh kerana modal terlampau sedikit, cuma diberi pendahuluan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agak saya setengah-setengah daripada mesin jahit itu yang berharga tidak lebih daripada \$400-\$500. Jadi, belia-belia yang ada keinginan sekalipun tidak mendapat menjalankan perniagaan dengan sebab kekurangan modal. Dengan sebab itu, saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat bekerjasama dan

saya menyerulah kepada Kementerian Pertanian khasnya Bahagian Syarikat Kerjasama untuk menolong belia-belia yang saya katakan itu. Selain daripada latihan-latihan itu, latihan-latihan yang membawakan belia-belia kita kepada meninggikan taraf hidup ataupun lebih tepatnya saya katakan meninggikan akhlak yang baik yang bercorak kepada keugamaan, cara disiplin patutlah kita perkuatkan di dalam kursus yang diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan saya minta izin campurkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sedikit-sedikit bolehlah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merojok kepada Pecahan-kepala 1100 Aktiviti 3—Belia, Pecahan (i)—Hal Ehwal Belia.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Muka surat berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Muka surat 147.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Maaf, untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu dari Lubuk Antu atau Bintulu?

Tuan Lee Lam Thye: Saya daripada Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Muka surat 147.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Bukan. Dalam Jadual tempat duduk ini menunjukkan Ahli Yang Berhormat itu dari Lubuk Antu.

Tuan Lee Lam Thye: Bukan, itu jadual lama. Tempat saya sudah ditukarkan sebagaimana yang disetujui oleh Ketua Oposisi.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ini jadual yang baharu sekali.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, Malaysia selalu digambarkan sebagai satu negara yang muda oleh kerana 60% penduduknya adalah terdiri daripada belia. Oleh

yang demikian, mereka adalah satu golongan yang kuat dan berani menyuarakan fikiran mereka dalam konteks menentukan masa depan negara. Ingin saya menegaskan di sini bahawa sebelum mereka dapat memberi satu sumbangan yang positif dan membina terhadap pembangunan negara, belia kita mesti diberi pendidikan yang baik dan bimbingan yang betul yang mana dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan untuk memainkan satu peranan penting untuk menentukan masa depan negara.

Tuan Pengerusi, tugas utama Kerajaan patut ditujukan untuk membimbing pemuda-pemuda supaya menyalurkan tenaga dan potensi mereka kearah membina negara yang berbilang bangsa yang cohesive dan bersatu padu.

Tuan Pengerusi, ingin saya bertanya di sini, sejauh manakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berjaya untuk membimbing pemuda-pemuda kita kearah objektif ini.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat, saya harap tujukan (pin-point) kepada benda Yang Berhormat hendak cakapkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya bercakap di atas Hal Ehwal Belia (Youth Affairs).

Tuan Pengerusi, belia kita hari ini masih menghadapi kekurangan bimbingan yang betul, dan ramai mereka tidak sedar bagaimana menyalurkan tenaga mereka kepada tujuan-tujuan yang productiee.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, as I said earlier, our youths still face many problems today and, in fact, many of them even have gone astray in indulging themselves in pot smoking and drug taking.

Tuan Pengerusi, tidaklah dapat dinafikan bahawa masalah dadah telah merupakan masalah sosial yang pertama di kalangan belia pada hari ini.

Mr Chairman, Sir, when pot smoking and drug taking has been so blatantly indulged in, it certainly calls for more than what the Government is presently doing in checking this number one social menace. The authorities concerned should take positive

steps to find out the genuine and the long term causes for this menace that plagues our nation and threatens the whole fabric of our society and thereafter to find durable solutions to it.

Tuan Pengerusi, Malaysia hari ini bukan sahaja menghadapi masalah keciciran di sekolah (school dropouts) tetapi juga menghadapi masalah lain yang lebih serious iaitu keciciran masyarakat ataupun dalam bahasa Inggerisnya society drop-outs mengenai belia.

Selain daripada itu, kita juga menghadapi masalah pengangguran di kalangan belia khususnya pemuda-pemuda yang berumur di antara 17 hingga 24 tahun. Oleh sebab nampak saya masalah pengangguran itu ialah satu masalah yang sangat serious di kalangan belia, maka saya harap bahawa Kementerian dapat mengkoodinasikan dengan lain-lain Kementerian untuk mencari jalan yang sesuai bagi mengatasi problem ini.

Tuan Pengerusi, kami dari pihak oposisi di sini memandangkan masalah-masalah yang saya telah sebutkan sebagai serious dan kami ingin menyuarakan kebimbangan kami terhadap keadaan tersebut. Kami berasa insaf dan sedar bahawa masanya sudah sampai untuk Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja yang bebas untuk menyasiat dan mengkaji perkara-perkara yang berikut:

Pertama berapa peratus dan sejauh mana pemuda-pemuda kita telah berpisah dari masyarakat dan telah dicemarkan (polluted) oleh perbuatan kejahatan.

Kedua, sejauh mana sistem sekolah kita dianggap bertanggungjawab di atas keadaan ini.

Keempat, sejauh mana Kementerian sistem penilaian pertukaran (the changing of value system) bertanggungjawab ke atas masalah-masalah ini.

Keempat, sejauh mana Kementerian yang berkenaan telah gagal dalam tugasnya untuk membantu belia memainkan peranan positif dan berguna dalam proses pembangunan negara; dan

Kelima, sejauh mana penghisapan dadah bertanggungjawab ke atas kecemaran pemuda-pemuda kita dan bagaimana perkara ini dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Buku Belanjawan Persekutuan Tahun 1976 iaitu muka surat 147, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) (ii) mengenai Penyelidikan Kebudayaan (Cultural Research). Di bawah Pecahan-kepala ini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan untuk menubuhkan satu Institusi Penyelidikan Kebudayaan Kebangsaan (National Cultural Research Institute) untuk menyelidik dan mengkaji cara-cara yang mana semua bangsa di dalam negara Malaysia dapat diintegrasikan melalui pertukaran kebudayaan (through cultural exchanges). Dengan kesalnya saya memperhatikan Kerajaan tidak mengambil berat atas perkara integrasi kebangsaan melalui pertukaran kebudayaan.

Tuan Pengerusi, kami berpendapat bahawa kebudayaan dapat memainkan satu peranan yang penting untuk menimbulkan integrasi kebangsaan di dalam satu negara yang berbilang kaum, oleh kerana ini kami dari parti D.A.P. selalu mengamalkan pelaksanaan demokrasi kebudayaan (cultural democracy) di negara Malaysia. Kami berbuat demikian oleh kerana kami insaf atau yakin bahawa prinsip-prinsip dan cara-cara demokrasi kebudayaan boleh diamalkan di Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan amalan ini dapat memberi faedah yang besar dalam konteks mencipta perasaan kesedaran kebangsaan atau national consciousness dan identity yang begitu mustahak untuk menentukan perpaduan dan keselamatan di dalam negara yang berbilang bangsa di negara kita.

Tuan Pengerusi, penubuhan satu institusi penyelidikan kebudayaan kebangsaan akan dapat menyelidik cara-cara yang mana prinsip-prinsip demokrasi kebudayaan dapat dilaksanakan untuk menimbulkan integrasi kebangsaan di negara kita yang berbilang bangsa ini.

4.34 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap di Bahagian B. 21, Pecahan-kepala 1100 di muka surat 147 iaitu Aktiviti (1), (2) dan (3) yang berkehendakkan peruntukan sebanyak \$4,836,085.

Saya mengambil peluang bercakap sedikit di samping memberi sokongan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah mengatur begitu baik beberapa

lawatan kaum-kaum belia Sarawak dari berbagai kaum yang telah mendapat kesempatan melawat sambil belajar dan beramah-mesra dengan belia-belia di Semenanjung Malaysia ini, walaupun di dalam masa yang singkat. Ini adalah satu amalan yang baik bagi mengeratkan lagi perhubungan di antara belia negeri Sarawak dan belia-belia negeri di Semenanjung Malaysia ini, di samping membentuk satu perasaan perpaduan yang berkekalan sebagai satu rumpun masyarakat Malaysia yang teguh dan sama-sama bertanggungjawab bagi mencapai segala aktiviti-aktiviti baik di bidang sukan dan berbagai-bagai macam kebudayaan Malaysia yang tulin, tidak kira belia di bandar atau di negeri-negeri atau daerah-daerah luar bandar sebagai belia Malaysia sahaja. Bagi belia-belia dari negeri-negeri di Semenanjung ini yang telah mendapat peluang melawat Sarawak tentu tidak hairan apabila melihat keadaan belia-belia di negeri Sarawak baik dari segi penghidupan mahupun kebudayaan asli, rakyat Sarawak boleh dikatakan serupa sahaja dengan negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, mengenai P. 21, Pecahan-kepala 4 di muka surat 155—Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua yang berkehendakkan peruntukan sebanyak \$1,670,000. Ini nampaknya lebih separuh bertambah daripada peruntukan tahun 1975. Kita berharap dengan peruntukan yang ada ini tugas dan tadbiran serta urusan Kementerian ini membesar dan memperkemaskan lagi segala bidang latihan belia Dusun Tua lebih berkesan daripada masa-masa yang lepas. Kami juga berasa bangga apabila melihat dan mengetahui keadaan belia-belia dari Negeri Sarawak yang telah berlatih di berbagai-bagai bidang di Dusun Tua yang telah tamat dan dapat bekerja sebagai tukang kayu, mechanic dan sebagainya dengan mendapat gaji yang agak memuaskan hasil dari pengetahuan yang mereka perolehi daripada Pusat Latihan Belia Dusun Tua itu. Dalam keadaan begini saya rasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini telah membuat segala usaha yang baik bagi memberi segala didikan yang sangat diperlukan oleh rakyat, terutama belia di samping mengawal belia-belia yang menjadi harapan bangsa jatuh ke lembah yang tidak sihat yang mana

boleh merosakkan nama baik negara Malaysia sebagai salah sebuah negara yang berpegang kepada Rukunegara sebagai prinsip utama.

Tuan Pengerusi, mengenai P. 21, Pecahan-kepala 21 di muka surat 155—Pusat Pelbagaiguna Negeri di mana Sarawak mendapat peruntukan sebanyak \$10 sahaja. Ini saya rasa bukan menjadi bandingan dan ukuran daripada segi kerjasama yang erat di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Persekutuan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri Sarawak, yang kami anggap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Persekutuan sebagai bapa kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak. Kami harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Persekutuan memberi segala bantuan di bidang pembangunan dan kemajuan untuk memperbaiki lagi di dalam segala aktiviti-aktiviti belia di Sarawak supaya keadaan belia-belia di dalam semua negeri di dalam negara kita sama-sama merasai nikmat pembangunan yang dirancangkan oleh Kerajaan supaya belia-belia kita benar-benar sebagai belia pelupur negara dan belia sebagai harapan bangsa yang boleh menentukan untung nasib negara ini pada masa hadapan. Saya harap Kementerian ini memberi peluang lebih banyak lagi kepada belia-belia Negeri Sarawak mengikuti segala latihan dan lawatan di Semenanjung ini bagi menambahkan pengalaman dan pandangan di sekitar ibu negara Malaysia.

4.42 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, saya suka terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah menjalankan kerja-kerja dan tugas-tugas mereka dengan penuh cemerlang. Sesiapa juga yang menyentuh dan bercakap tentang soal belia sudah tentu sekali mereka mengatakan belia ini merupakan tiang negara, harapan bangsa dan sebagainya, boleh dikatakan sesiapa juga

Tuan Azahari bn Md. Taib: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala B. 21?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Itu sebagai preamble.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Pecahan-kepala berapa?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dalam Kepala Pembangunan 21.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya suka Yang Berhormat menumpukan perhatian di atas senarai-senarai yang ada dalam B. 21 dan P. 21 sahaja dan sebutkan pada saya bab apa supaya senang dapat dirojokkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh Kepala Pembangunan 21 di dalam ucapan saya.

Tuan Pengerusi, kalau kita kaji Kepala Pembangunan 21—Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, peruntukan yang diberi di bawah Kepala ini amatlah tidak mencukupi dengan hasrat-hasrat yang kita telah bebankan kepada masyarakat belia ini. Tuan Pengerusi, kalau kita jumlahkan pembangunan di bawah Kepala Pembangunan 21 ini lebih kurang \$3 juta dan kalau kita bandingkan pula jumlah anggaran negara di bawah buku Budget ini iaitu berjumlah lebih kurang \$2,000 juta, dengan perbandingan \$3 juta di bawah Kepala 21 dan \$2,000 juta kepada keseluruhan pembangunan, maka dapatlah kita membandingkan betapa kecilnya peruntukan yang telah diberikan di bawah Kepala Pembangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hal, Tuan Pengerusi, kita semua sedar dan faham bahawa perpuluhan ataupun bilangan belia di negara kita ini berjumlah lebih daripada 60% tetapi jumlah pembangunan di bawah Kementerian ini hanya merupakan 0.15% daripada jumlah pembangunan negara dan dari segi ini pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, amatlah kurang peruntukan yang diuntukkan di bawah Kepala Pembangunan 21 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini.

Tuan Pengerusi, mungkin agaknya banyak perkara yang disentuh, yang ada kait-mengait pada belia ada didapati di Kementerian-kementerian yang lain. Jadi untuk sementara waktu bagi mengatasi masaalah ini saya suka mencadangkan iaitu satu Jawatankuasa Penyelaras ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Kementerian-kementerian yang lain. Maka dengan cara ini dapatlah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi kemudahan kepada belia-belia yang mungkin ada untuk kepada belia di Kementerian-kementerian yang lain.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, katakanlah soal kegiatan kemajuan masyarakat yang kita dapati dalam Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, boleh dikatakan 80% daripada kegiatan Jabatan Kemajuan Masyarakat ini adalah tertumpu kepada belia-belia ataupun Kemas, dengan nama pendeknya, jadi boleh dikatakan lebih daripada 80% kepada belia-belia, tetapi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak tahu-menahu tentang aktiviti ataupun gerakan Kemas ini. Jadi dengan ditubuhkan Jawatankuasa Penyelaras yang dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya percaya kekurangan peruntukan di bawah Kepala 21 ini akan dapat untuk sementara waktu diatasi dan saya boleh beri satu contoh lagi mengenai soal menghadapi dadah yang selalu dikatakan di dalam peruntukan Kementerian ini tidak ada peruntukan tentang soal dadah oleh kerana mungkin kita ada suatu biro yang dikatakan Biro Narkotik Negara. Jadi, Biro Narkotik Negara ini, masalah ini, masalah belia, tetapi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak ada peruntukan di dalam masalah menghadapi dadah yang mana melibatkan sebilangan besar belia-belia. Jadi, itulah yang mendorong saya membawa cadangan ke Dewan yang mulia ini supaya untuk sementara waktu sebelum peruntukan-peruntukan yang tertentu yang menasabah diberi kepada Kementerian ini, ditubuhkan jawatankuasa itu supaya Kementerian-kementerian yang lain yang ada banyak sangkut-paut dengan hal ehwal belia dapat diselaraskan oleh Kementerian ini dan belia-belia yang berjumlah lebih daripada 60% negara kita ini dapat benar-benar merasa dan menikmati pembangunan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, begitu juga berkenaan dengan Kepala 1100 iaitu berkenaan dengan belia juga, pecahan Belia. Ini juga amat kurang, bukan sahaja amat kurang dari segi pembangunan, malahan dari

segi pengurusan pun amat berkurangan. Di bawah Kepala ini. Tuan Pengerusi, Kementerian ada memberi bantuan kewangan kepada pertubuhan belia sukarela seperti M.A.Y.C, 4B, Pandu Putri, Boys Scout dan sebagainya dan bantuan-bantuan Kementerian kepada badan-badan pertubuhan sukarela ini amat tidak mencukupi memandangkan keadaan pada hari ini. Sebagai contoh, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi suatu pertubuhan belia yang bernama Gerakan Belia 4B Malaysia hanya sebanyak \$17,000 setahun sahaja. Ini dikatakan untuk pentadbiran tetapi adakah wang yang sebanyak \$17,000 ini menasabah untuk mentadbirkan suatu pertubuhan belia kebangsaan yang menganggotai ahli-ahlinya lebih daripada 100,000, sudah tentu jawapannya tidak dan begitu juga masalaahnya dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain baik Tamil Bell Club, Hindu Youth, Y.M.C.A dan sebagainya semuanya memerlukan bantuan kewangan tersebut daripada Kementerian, tetapi bantuan yang diberi amatlah tidak mencukupi untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti mereka selaras dan sejajar dengan kehendak-kehendak masyarakat kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, kita faham dan sedar dan kita masih ingat lagi suatu peristiwa di mana belia-belia apabila saya menggunakan istilah "belia" itu termasuklah pelajar telahpun mengadakan demonstrasi dan sebagainya. Ada beberapa orang daripada mereka telahpun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya suka merayu kepada Kerajaan untuk membebaskan semua mereka yang ditahan ini. Mereka yang masih di dalam tahanan adalah belia-belia belaka dan patutlah mereka itu diberi peluang yang kedua (second chance) supaya mereka itu dapat memulakan penghidupan yang baru. Tidak boleh dinafikan kadangkala ada idealisma belia yang membawa kepada berlakunya keadaan yang kurang diingini, maka pihak pemerintah apabila perkara seperti itu berlaku adalah diharapkan jangan mengambil tindakan yang terlalu kuat ke atas belia-belia yang tergelincir di dalam melakukan cita-cita mereka yang idealis itu.

Tuan Pengerusi, satu daripada tugas Kementerian ini seperti mana ada di bawah Hal Ehwal Belia ini ialah untuk menubuhkan suatu belia yang dinamik, belia yang

progresif, belia yang maju tetapi di dalam mereka memajukan sesuatu itu kadang-kala mereka melampaui batas dan sekiranya perkara ini berlaku tindakan harus diambil. Tetapi setelah tindakan diambil berilah mereka itu peluang (second chance) supaya dapat mereka memulakan penghidupan yang baru. Saya sebagai seorang Ketua Belia di negara ini suka menyampaikan rayuan supaya pihak yang berkenaan membebaskan semua belia-belua yang ditahan akibat daripada peristiwa demonstrasi pelajar-pelajar baru-baru ini. Dengan cara ini kita harap pemimpin-pemimpin belia yang telah ditahan itu akan dapat kembali semula kepada pertubuhan-pertubuhan belia mereka dan mereka akan dapat memimpin kembali ahli-ahli mereka sejajar dan selaras dengan kehendak negara kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi tugas Kementerian berkenaan dengan Hal Ehwal Belia ini ialah menyatupadukan belia-belua Melayu dan belia-belua bukan Melayu. Baru-baru ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil beberapa orang pegawai-pegawai belia dari keturunan Tionghua untuk menubuhkan kelab-kelab belia Tionghua di kampung-kampung baru. Sungguhpun tujuan Kementerian ini menubuhkan pertubuhan belia untuk belia-belua Tionghua di kampung-kampung baru boleh dipertahankan, tetapi saya berpendapat tindakan Kementerian tersebut akan dan boleh memecah-belahkan belia-belua kepada dua golongan iaitu belia-belua Melayu dan belia-belua keturunan bukan Melayu. Sudah tentu saya percaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak berniat hendak mempopularkan masyarakat belia kepada belia Melayu dengan belia bukan Melayu, tetapi tindakan Kementerian ini menubuhkan suatu pertubuhan khas untuk belia-belua bukan Melayu boleh mewujudkan keadaan popularisation di antara belia-belua Melayu dengan belia-belua bukan Melayu. Adalah lebih wajar pada pendapat saya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil pegawai-pegawai bukan Melayu iaitu pegawai-pegawai Tionghua guna untuk menolong badan-badan pertubuhan kebangsaan yang telah ada untuk mereka menggalakkan dan membawa belia-belua bukan Melayu memasuki pertubuhan-pertubuhan sukarela kebangsaan yang memang ada seperti Belia 4B, MAYC dan badan-badan sukarela yang lain. Dengan cara ini belia-belua Melayu dan

bukan Melayu akan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di dalam satu pertubuhan belia berbilang kaum. Cara ini sudah pasti dapat mewujudkan perpaduan belia berbilang kaum di negara kita ini dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan saya menyentuh kepada Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Sukan. Di sini saya suka mengucapkan tahniah di atas kegiatan-kegiatan galakan Kementerian terhadap sukan, tetapi kemajuan sukan di negara kita ini masih lagi boleh diperhebatkan. Sungguhpun sukan di negara kita sudah maju tetapi jika dibandingkan dengan kemajuan sukan di negara-negara yang lain, di negara-negara jiran, maka kemajuan sukan kita belum lagi seimbang ataupun lebih daripada negara-negara jiran kita. Kita tidak boleh menafikan bahawa sukan di negara kita bukan tidak maju, tetapi degree kemajuan dan pesat kemajuannya itu tidak sama ataupun tidak lebih daripada kemajuan sukan di negara-negara asing ataupun di negara-negara jiran kita. Mereka lebih maju daripada kita. Soalnya sekarang kita hendaklah melajukan kemajuan sukan kita, memesatkan lagi kemajuan sukan kita dan beberapa tindakan boleh diambil. Satu daripada tindakan yang boleh diambil ialah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mestilah mengambil suatu peranan yang lebih aktif dan lebih berani di dalam lapangan sukan ini dan janganlah Kementerian mengambil satu sikap untuk membiarkan sahaja galakan sukan ini kepada badan-badan sukarela, badan-badan yang telah ditubuhkan khas untuk permainan dan kegiatan sukan seperti Persatuan Badminton, Persatuan Bolatampar, Persatuan Bolasepak dan sebagainya. Kalau kita hanya menumpukan tugas dan tanggungjawab dalam memajukan sukan negara kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti yang telah saya sentuhkan tadi, kalau itu dibuat sudah tentu degree ataupun lajunya kemajuan sukan di dalam negara kita ini tidak akan sama dengan negara-negara yang lain, maka selama itulah kita akan ketinggalan jika dibandingkan dengan kemajuan sukan oleh negara-negara yang lain. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil suatu peranan yang lebih aktif melibatkan dirinya dengan lebih di dalam lapangan sukan ini. Itu dari segi prinsipnya

dan cara-cara perlaksanaannya tidak payahlah saya sentuh kerana ini suatu perkara yang besar dan akan memakan masa yang begitu panjang.

Tindakan yang kedua yang saya fikir boleh memajukan sukan kita dengan lebih giat lagi ialah badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memajukan sukan hendaklah diselaraskan dengan lebih berkesan lagi. Umpamanya, kegiatan-kegiatan Majlis Sukan Negara dengan kegiatan-kegiatan Olympic Council kita hendaklah diselaraskan. Kalau tidak maka akan bercanggahlah aktiviti-aktiviti kedua-dua badan itu dan sudah tentu ada buruknya. Baru-baru ini kita pun telah lihat suatu peristiwa di mana beberapa orang pelari-pelari (athlete) daripada Sabah dan Sarawak tidak dapat datang ke pusat latihan Centralise Camp untuk diadakan centralise training bertempat di Dewan Belia Kampung Pandan. Mereka tidak dapat datang ataupun ragu-ragu hendak datang oleh kerana tidak dapat menentukan siapa yang akan membayar tiket kapal terbang mereka. Adakah pihak Olympic Council yang akan membayar tiket kapal terbang mereka ataupun Majlis Sukan Negara yang membayar tiket mereka untuk terbang daripada Sabah dan Sarawak ke Pusat Latihan Centralise Camp. Oleh kerana perkara ini tidak dapat diselesaikan, hampir-hampir athlete daripada Sabah dan Sarawak itu tidak mahu datang tetapi nasib baik dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kita dan dengan kebijaksanaan Pengerusi Olympic Council kita, perkara ini dapat diselesaikan dengan cepat dan mereka tidak merajuk. Maka dapatlah pelari-pelari daripada Sabah dan Sarawak itu datang ke Pusat Latihan di Dewan Belia Kampung Pandan. Sungguhpun perkara ini kecil tetapi inilah yang saya katakan tadi sekiranya tidak ada suatu penyelesaian, tiada suatu kerjasama yang erat di antara badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memajukan sukan akan membawa kepada keburukan dari segi kemajuan sukan di negara ini.

Tuan Azhari bin Md. Taib: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya akan pendekkan.

Tuan Azhari bin Md. Taib: Yang Berhormat ada masa dua minit sahaja lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya akan habiskan ucapan saya mengikut arahan Tuan Pengerusi iaitu dalam masa dua minit.

Tuan Pengerusi, saya percaya Majlis Sukan Negara kita ini boleh diatur dengan baik dan suatu badan lagi yang selalu kita dengar tetapi tidak pernah mengadakan mesyuaratnya, iaitu Jawatankuasa Persediaan Pertandingan Antarabangsa Jawatankuasa ini ada diwujudkan tetapi belum pernah mengadakan mesyuaratnya, sekiranya difikirkan badan ini tidak perlu saya fikir eloklah Kementerian hapuskan sahaja badan ini, lagi sedikit badan lagi lebih senang kita bekerja. Tetapi jika difikirkan perlu eloklah dihidupkan baik badan ini dan diselaraskan serta diatur supaya ketiga-tiga badan iaitu Jawatankuasa Persediaan Antarabangsa Olympic Council dan Majlis Sukan Negara ini dapat benar-benar berjalan ke arah satu tujuan iaitu memajukan sukan bagi negara kita.

Tuan Pengerusi, saya membawa perkara-perkara tadi bukanlah secara untuk mengatakan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan tidak maju. Tidak, saya memberi tahniah dan pujian yang setinggi-tingginya kepada Kementerian Kebudayaan di atas kebolehan dan kemampuan mereka menjalankan tugas-tugas dan kewajipan mereka yang berat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan lebih-lebih lagi oleh kerana peruntukan mereka amat tidak mencukupi oleh kerana wang yang diperuntukkan kepada mereka itu terlampau kecil walaupun demikian dapat juga Kementerian ini menjalankan tugas dan peranan mereka dengan berkesan, tetapi saya percaya sekiranya peruntukan yang sewajarnya dan peruntukan yang menasabah diberikan kepada Kementerian ini, maka saya percaya Kementerian ini akan dapat berbakti dan berkhidmat kepada masyarakat belia dengan lebih berkesan lagi.

5.03 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan sebanyak \$17,705,035 kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Kepala B. 21 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) yang memberikan peruntukan berjumlah \$402,045 untuk memajukan latihan-latihan di bidang sukan. Sukalah saya memberikan pandangan terhadap bidang kesukanan di negara kita yang saya rasa telah merosot dengan perlahan-lahan. Perwakilan kita di bidang sukan telah berkurangan sangat. Ini saya fikir disebabkan kekurangan galakan yang kita berikan kepada ahli-ahli sukan kita.

Tuan Pengerusi, sukan telah menjadi satu profession di dalam dunia Barat. Ahli-ahli sukannya bernilai berjuta-juta paun atau berjuta-juta ringgit. Seseorang ahli sukan hanya mempunyai satu tugas iaitu sukan sahaja, tetapi di dalam negara kita ahli-ahli sukan hanya secara sambilan dan terpaksa mencari nafkah hidup di samping memajukan sukan kebangsaan. Saya fikir dua tugas serentak ini adalah disebabkan kekurangan pertimbangan yang meluas. Pemain-pemain kita mempunyai masalah kewangan dan sosial yang terpaksa mereka hadapi, kalau seorang itu cuma menitikberatkan perkara sukan kedudukan kewangan keluarganya mungkin terjejas. Oleh itu, saya cadangkan Kementerian hendaklah menubuhkan majlis-majlis sukan yang tetap di semua peringkat negeri untuk mengambil, melatih, menggajikan semua ahli-ahli sukan kebangsaan, dengan cara itu kita akan dapat mengekalkan bakat-bakat ahli sukan kita dan akan membolehkan mereka mencapai taraf antarabangsa. Semua pemain sesudah mencapai taraf antarabangsa hendaklah diserapkan ke dalam majlis-majlis sukan sebagai pemain-pemain professional.

Kedua, Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak bercakap mengenai perkara P. 21 Pecahan-kepala 4 muka surat 155 berhubung dengan Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan kursus-kursus latihan belia. Langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk mencapai matlamat dan tujuan Kerajaan kita amatlah dibanggakan dan telah memberikan peluang kepada beribu-ribu belia mendapatkan latihan asas dalam apa jua bidang perdagangan yang mereka sukai. Latihan seumpama ini juga akan dapat mengarahkan perasaan tanggungjawab dan kecergasan daya pemikiran jenerasi muda kita. Selepas menjalankan latihan yang diperlukan belia-belia kita akan keluar dari khemah latihan mereka itu sebagai belia-belia yang penuh berdisiplin

tetapi untuk membolehkan mereka menggunakan bakat-bakat yang telah sedia ada banyak belia tersebut tiada berjaya mendapat sebarang pekerjaan. Ini akhirnya akan menjejaskan daya pemikiran mereka dan akan menjadikan mereka melibatkan diri dalam kumpulan masyarakat yang tidak diingini. Tuan Pengerusi, pepatah di dalam bahasa Inggeris mengatakan, "An idle mind is a devil's workshop" Ini membawa erti bahawa sekiranya kita membiarkan jenerasi muda hidup malas mereka itu akan tertarik ke dalam bengkel iblis yang saya sebut tadi—Devil's workshop. Dan akibat hasil pengeluaran bengkel iblis itu amatlah merbahaya dan tidak sesuai kepada masyarakat umum. Jenayah jenerasi muda atau juvenile delinquency dewasa ini sedang menggugat seluruh dunia belia yang berumur 16 tahun, amatlah berbeza dengan belia dua keturunan yang lampau. Kementerian mestilah menimbang cara-cara memberikan latihan asas yang diperlukan oleh masyarakat kepada belia-belia itu. Kementerian hendaklah juga menubuhkan satu bahagian khas untuk memberikan perhatian terhadap masalah pengangguran belia di luar bandar. Bahagian ini hendaklah diberikan tugas khas untuk menubuhkan perindustrian kecil dengan bantuan Kerajaan, masalah pekerjaan dan kemudahan sosial yang lain. Peluang-peluang pekerjaan hendaklah dibahagikan dengan adil di antara belia-belia dalam bandar dan luar bandar.

Ketiga, belia-belia yang ditempatkan di dalam sekim-sekim tanah belia kini sedang mengalami banyak kesulitan, di kawasan saya di Sungai Siput ada mempunyai Sekim Tanah Perlok yang dikhaskan untuk belia-belia tetapi selepas 5 tahun bekerja keras belia-belia itu tidak dapat mencapai taraf hidup yang baik.

Dalam B. 21, Pecahan-kepala 1100 (2) kita mempunyai jumlah peruntukan sebanyak \$499,579.60 untuk meninggikan taraf kemajuan kedudukan dan satu peruntukan lagi berjumlah \$162,465 ialah untuk penyelidikan dan penyelidikan. Tuan Pengerusi, Malaysia bolehlah diibaratkan sebagai sebuah badan Bangsa-bangsa Bersatu yang kecil sejauh mana yang dapat kita pastikan mengenai kebudayaan. Kebudayaan berbilang kaum telah ditukar dan dicampurkan di antara satu dengan lain. Ini telah dapat

merintis jalan terhadap penyatuan kebudayaan majlis. Saya sungguh berbangga atas perkara ini kerana Kementerian telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menghidupkan kembali kebudayaan lama Malaysia dan telah disesuaikan untuk dijadikan persembahan yang diterima balik oleh masyarakat yang hidup di dalam suasana moden.

Tuan Pengerusi, satu pandangan yang saya suka kemukakan ialah penyertaan bukan bumiputra dalam persembahan-persembahan kebudayaan Melayu lama. Saya rasa terlalu kurang sangat peluang-peluang yang diberikan kepada bukan bumiputra untuk menyertai persembahan kebudayaan Melayu. Saya suka mencadangkan penyertaan bukan Melayu di dalam persembahan-persembahan acara kebudayaan Melayu hendaklah diadakan. Ini akan dapat merintis jalan ke arah memperluaskan kebudayaan Melayu di kalangan saudara-saudara bangsa Malaysia yang lain dan akan dapat mewujudkan satu identiti kebudayaan kebangsaan Malaysia yang tulin.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya juga suka mencadangkan supaya penyertaan yang lebih banyak hendaklah ditumpukan kepada persatuan-persatuan belia luar bandar, istimewanya seperti Persatuan Belia 4B dan juga Kelab Belia Tamil dan Persatuan-persatuan belia yang lain dengan tujuan untuk membolehkan mereka mewakili Malaysia di dalam arena belia antarabangsa.

5.11 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):

Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan Kepala B. 21—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Kebudayaan, kerana peruntukan yang sekian banyak lagi tersusun bagi menyampaikan tujuan-tujuan iaitu ke arah membentuk masyarakat Malaysia yang teguh dan bersatu-padu dengan mempunyai warganegara yang penuh dedikasi terhadap perinsip-perinsip Rukunegara dan mempunyai kesedaran kebangsaan serta identiti yang satu menerusi berbagai lapangan dan kegiatan yang sama dalam bidang kebudayaan belia dan sukan dengan langkah-langkah yang tertentu. Salah satu daripadanya ialah memberi galakan kepada bakat-bakat kebudayaan di

kalangan rakyat dengan tujuan mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan dan melaluinya dapat pula mewujudkan perpaduan negara keperibadian kebangsaan. Ini akan dapat dijalankan dengan cara meluaskan pemakaian, memaju dan meninggikan lagi pengetahuan dan pengertian dalam hubungan kebudayaan negara.

Saya ingin menyatakan bahawa saya ini bukan seorang racialist yang pelampau tetapi pada hari ini dan di masa-masa yang akhir-akhir ini seluruh negara ini sedang berusaha menyatu-padukan rakyat dengan satu kebudayaan, satu bahasa tetapi tidak siapa pun boleh menafikan bahawa pada hari ini ada usaha-usaha daripada sekian pihak-pihak yang cuba mempelopori supaya matlamat pelajaran ini tidak akan wujud ataupun dipesongkan seperti, maaf saya katakan, terdapat nyanyian-nyanyian Tionghua sepanjang-panjang masa di hotel-hotel di mana semua kaum hadir.

Yang kedua, di kelab-kelab malam yang pelanggan-pelanggannya boleh dikatakan hampir-hampir 99% pemuda-pemuda Melayu tetapi nyanyian yang diadakan di kelab-kelab malam itu adalah 100% Tionghua.

Yang ketiganya, wayang-wayang gambar Tionghua yang memakan belanja beribu-ribu ringgit sengaja diadakan di dalam temasya-temasya ugama dan bukan ugama dan berkecamuk di dalam negara kita pada hari ini dibiarkan dengan tidak ada censor dan lain-lainnya. Pemandangan-pemandangan dalam wayang-wayang gambar China ini tidak langsung pun mencerminkan Malaysia yang kita cintai. Ini adalah satu perkara yang patut sekali diambil perhatian oleh pihak Kementerian yang cuba hendak menyatu-padukan dan cuba hendak menjadikan negara ini sebuah negara yang mempunyai satu rupa bangsa, satu kebudayaan, satu bahasa dan wujudnya satu kaum yang kukuh.

Tuan Pengerusi, kalau kita pergi ke Genting Highlands kita lihat stesyen-stesyen cable car seolah-olah kita berada di Taiwan ataupun di Hongkong. Adakah tujuan-tujuan Kerajaan hendak menjadikan Genting Highlands ini sebagai pusat kebudayaan China? Saya bertanya kepada Dewan ini.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Nampaknya Ahli Yang Berhormat ini marah kepada siapa?

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Saya marahkan Tuan Pengerusi (*Ketawa*), dengan kerana Tuan Pengerusi melibatkan Parlimen ini dan Kerajaan.

Perkara ini, Tuan Pengerusi, tidak boleh kita membiarkan sahaja, sebabnya pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri menghabiskan wang yang banyak, membaca siaran propaganda kita mengatakan Malaysia adalah negara yang indah, mempunyai kebudayaan yang kukuh. Jadi mereka hendak melihat kebudayaan Melayu dan lain-lainnya, kebudayaan lama, dan apabila sampai sahaja ke sini terus pergi ke Genting Highlands, pergi ke sana dan pergi ke sini, berjalan di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur dan kalau di Kuala Lumpur hendak melihat di muka Jalan Taman Midah umpamanya, seolah-olah hendak masuk ke Great Wall. Ini di Kuala Lumpur. Semua pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri berjalan dalam bandar-bandar, nama-nama syarikat swasta dan lain-lainnya tidak langsung mencerminkan negara Malaysia tetapi membayangkan seolah-olah mereka berada dalam sebuah negara asing. Saya rasa perkara ini patut menjadi satu ukuran sempadan ataupun satu matlamat tujuan yang akan diambil oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang saya tahu Yang Berhormat Menteri itu adalah seorang yang sungguh-sungguh bersemangat dan tinggi dalam perkara kebudayaan. Kalau perkara ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa 4 atau 5 tahun ini, saya tidak percaya beliau dan juga Setiausaha Parlimennya, seorang yang bersemangat yang ingin hendak menjadikan kebudayaan teras bangsa itu akan wujud dan saya tidak percaya keadaan-keadaan yang berlaku sepanjang masa di dalam Malaysia Tanahair Ku tidak terlepas daripada pandangan dan pengetahuan Kementerian. Kalau keadaan ini terus-menerus berlaku maka sudah tentu akan menjadi sia-sia segala usaha Kerajaan pada hari ini yang hendak mengukuhkan kebudayaan bangsa.

Akhir sekali, sebelum pihak pelancung-pelancung luar negeri ataupun orang-orang luar negeri yang datang melawat ke negeri kita menegur, biar kita sama kita menegur supaya keadaan-keadaan ini akan berubah

dan akan mencorakkan benar-benar Malaysia ini mempunyai kebudayaan yang satu dan yang padu.

5.19 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membincangkan peruntukan di bawah Kepala B. 21 dan P. 21—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Saya suka menyentuh dalam Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Latihan-latihan Teknik. Salah satu daripada objektif utama Kementerian yang berkenaan saya baca di sini ialah:

“(a) memberi latihan-latihan pimpinan asas, teknik dan vokesyenal bagi belia-belie untuk membolehkan mereka mengambil bahagian yang cergas dan berkesan dalam bidang kemajuan ekonomi dan sosial negara.”

Tuan Pengerusi, saya tidak menafikan selama ini kejayaan-kejayaan dan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian ini dalam melatih belia-belie kita untuk mendapat pelajaran asas dalam bidang teknik dan kemahiran.

Apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah memberi latihan yang khas kepada pekerja-pekerja yang sudahpun bekerja, contohnya seperti di kilang-kilang elektronik. Saya ambil contoh yang paling dekat dengan kawasan saya ialah Kawasan Perdagangan Bebas di Pulau Pinang, Bayan Lepas, ramai pekerja-pekerja elektronik yang bekerja di situ tidak kurang daripada 10,000 orang, pekerja-pekerja ini terdiri daripada belia-belie dan beliawanis yang bukannya datang daripada Pulau Pinang sahaja tetapi adalah datang dari Perak Utara, Perlis, Kedah, Kelantan dan juga Trengganu, tetapi taraf pekerjaan mereka tidak berubah semenjak mereka itu masuk bekerja hingga empat—lima tahun bekerja tidak berubah. Sebabnya mereka tidak mendapat latihan dalam bidang elektronik, dalam bidang pekerjaan mereka masing-masing. Oleh yang demikian, saya cadangkan pihak Kementerian ini berasaskan kepada objektif yang tertulis dalam buku ini untuk meninggikan taraf sosial mereka, taraf pekerjaan mereka, supaya mengadakan latihan-latihan bekerja sambil belajar, belajar

sambil bekerja. Dengan cara ini dapat meninggikan taraf pekerjaan mereka dan dengan sendirinya ekonomi mereka pun akan meningkat.

Dalam bidang ini bukan sahaja saya hendak cadangkan tetapi sudah ada suatu Kementerian iaitu Jabatan KEMAS telahpun mengadakan kelas-kelas bimbingan, tetapi peruntukan yang diberi sangatlah tidak memadai dan tempat latihan itupun menumpang di sekolah sahaja. Jadi saya cadangkan kepada Kementerian ini supaya dapat bekerjasama dengan Jabatan KEMAS mengadakan satu kelas atau dua tiga kelas latihan memberi bimbingan kepada pekerja-pekerja elektronik ini untuk meninggikan taraf pekerjaan mereka dan dalam kelas KEMAS yang dibuat oleh Jabatan itu saya dapati mana-mana pekerja elektronik yang menghadiri, yang mengikuti darjah-darjah ini dalam dua tiga bulan mereka bekerja di kilang-kilang elektronik ini sudah dinaikkan taraf menjadi penyelia-penyelia, menjadi ketua-ketua di dalam satu-satu seksyen. Ini menunjukkan bidang latihan ini sangat berkesan. Jadi, sekali lagi saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya dapat bekerjasama, dapat memberi peruntukan. Kalau masaalah tempat saya fikir tidak timbul sebab di Pulau Pinang sudah ada satu Kompleks Pelbagaiguna dan saya fikir ini adalah satu tempat yang paling sesuai yang berhampiran dengan Kawasan Perdagangan Bebas ini untuk kita memberi latihan kepada pekerja-pekerja tersebut.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2) iaitu mengenai lagu-lagu yang selalu kita dengar melalui radio, talivisyen dan sebagainya. Hari ini kalau kita dengar, kalau kita selalu ikuti siaran radio, siaran talivisyen boleh dikatakan hampir 80 peratus lagu-lagu yang dinyanyikan oleh biduan dan biduanita kita ini ialah lagu-lagu Hindustan. Kalau lagu-lagu Melayu yang dinyanyikan itupun ialah lagu-lagu lama yang divedok, yang dicuri dan sebagainya dikatakan diperbaharui dan sebagainya ini oleh biduan dan biduanita yang baru itu dinyanyikan semula. Saya fikir dalam perkara ini adalah menjadi tanggungjawab yang besar kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini untuk melatih memberi bimbingan, memberi pelajaran asas kepada biduan dan biduanita kita ini yang tumbuh bagai cendawan, ramai biduan dan

biduanita kita ini yang timbul, yang dicungkil bakat mereka oleh R.T.M. tetapi setelah mereka ini menjadi juara, menjadi johan dan sebagainya, mereka ini tidak dapat mencipta lagu-lagu yang berasaskan atau yang berlatar-belakangkan kebudayaan negara kita. Mereka terpaksa mencedok lagu-lagu Hindustan, bulat-bulat lagu Hindustan, kalau kita tidak dengar senikatanya sudah tentu kita katakan itu lagu Hindustan. Sekali lagi saya cadangkan supaya Kementerian ini berilah bimbingan asas kepada biduan dan biduanita kita ini supaya mereka dapat, misalnya, mempelajari nota-nota lagu, bagaimana hendak mengarang lagu dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan cara itu kita akan dapat menimbulkan bakat-bakat seperti Allahyarham P. Ramlee, R. Azmi dan sebagainya pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga yang hendak saya sentuh ialah Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Sukan. Pada tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan negara kita ini terkenal dengan Johan Badminton Sedunia. Kalau saya tidak silap, 10 atau 12 tahun negara kita memegang Thomas Cup, Thomas Cup disimpan dalam negara kita. Negara kita terkenal di seluruh dunia kerana menjadi johan berturut-turut selama empat dan lima kali di dalam Kejohanan Badminton Sedunia. Tetapi kalau kita lihat hari ini apa yang sudah terjadi kepada pemain-pemain badminton kita? Mana dia bakat-bakat seperti Wong Peng Soon, Abdullah Piruz, Eddy Choong, Ng Boon Bee dan lain-lain sudah tidak ada lagi, sudah lenyap, bakat-bakat ini sudah berpindah kepada negara-negara jiran, iaitu Thailand dan Indonesia. Mengapa terjadi perkara ini? Di manakah salahnya? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengembalikan keharuman nama negara kita dalam bidang sukan badminton ini? Saya cadangkan supaya Kementerian akan mencari jalan atau mengambil langkah-langkah yang konkrit untuk mengembalikan semula keharuman nama negara Malaysia kita ini dalam bidang sukan, terutama sekali badminton. Kita tahu ada bakat-bakat yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai masa hadapan yang baik untuk kita dapat mengembalikan semula keharuman nama negara kita dalam bidang sukan ini.

Akhirnya, satu perkara lagi saya hendak sentuh ialah masaalah pakaian istiadat, Tuan

Pengerusi. Perkara ini barangkali setengah-setengah pihak mengatakan perkara kecil, apa ada kena-mengena pakaian dengan kemajuan negara, tetapi sekali-sekali kita fikir semula perkara ini menjadi besar sebab bila kita melihat seseorang itu kita nampak pakaiannya dahulu. Apa yang hendak saya tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, ialah pakaian-pakaian istiadat. Kita tidak mempunyai pakaian-pakaian istiadat yang tertentu, misalnya, tengkolok yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tengkolok itu juga dipakai oleh Penyambut Tetamu di Hotel Merlin, dipakai oleh Bentara yang ada di dalam Dewan kita ini. Ini menunjukkan kita tidak mempunyai darjah-darjah ataupun pakaian-pakaian khusus untuk sesuatu pangkat, untuk sesuatu jawatan dalam negara kita.

Saya cadangkan supaya Kementerian ini menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menentukan jenis-jenis pakaian istiadat misalnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begini; orang lain tidak boleh pakai, Menteri-menteri begini, Yang Berhormat Tuan Speaker begini pakaiannya, tidak mahu pakai macam kami, macam biasa ini, adakan pakaian khas kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan kepada Hakim-hakim juga. Kita masih memakai pakaian yang diwarisi dari penjajah. Begitu juga kepada Duta-duta kita apabila hendak menghadiri Majlis atau hendak menemui pembesar-pembesar di sesebuah negara yang tertentu mestilah ada pakaian yang khas untuknya. Kita tidak mahu campur pakaian ini daripada Yang di-Pertuan Agong terus kepada Penyambut Tetamu di hotel-hotel yang pakaiannya serupa, ini memalukan. Walaupun perkara ini kecil, tetapi saya fikir pada sekali-lalu perkara ini sangat besar akibatnya kalau kita tidak menentukan jenis-jenis pakaian bagi satu-satu golongan dan jawatan-jawatan yang tertentu.

Itulah sahaja pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menghadkan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat selama tidak lebih daripada 10 minit, kerana selain daripada Kementerian yang kita bahaskan

ini, ada lagi 15 Kementerian lain. Dengan sebab itu, saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan seboleh-bolehnya ucapan-ucapan yang hendak disampaikan kerana kita berkehendakkan Kementerian ini dihabiskan pada hari ini juga.

5.31 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjumlah \$17,705,035 dengan matlamat utama yang dimainkan oleh Kementerian ke arah membentuk satu masyarakat Malaysia yang teguh dan bersatu-padu memandangkan kepada peratus penduduk-penduduk negara ini yang terdiri daripada golongan belia dan beliawanis. Maka patutlah Kementerian ini diberi perhatian yang lebih berat. Wang yang diperuntukkan sebanyak \$17,705,035 itu bagi Kementerian ini adalah terlalu kecil, walaupun bertambah sebanyak \$1,857,670 berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1975.

Tuan Pengerusi, masalah belia di negara kita hari ini sudah sampai ke satu peringkat di mana sudah nampak wujudnya berbagai-bagai masalah daripada menghisap ganja dan lain-lain penyalahgunaan dadah sampai-lah kepada perompakan ala-cowboy. Perkara ini sudah tentu tidak dipandang begitu sahaja.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, perkara jenayah ini tidak boleh diserahkan sahaja kepada pihak-pihak polis dan lain-lain yang terlibat, tetapi Kementerian ini hendaklah mengambil daya-usaha yang penting dengan membanyakkan latihan di bidang ekonomi, sedikit-sebanyak boleh mengurangkan masalah ini. Saya berharap Kementerian ini memberi tekanan yang lebih lagi kepada usaha-usaha di bidang ekonomi seperti pertanian, perdagangan dan perikanan sepenuhnya kepada kelab-kelab belia.

Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian ini kerana setakat ini telah lebih mengutamakan kerja-kerja ekonomi daripada

sosial di kalangan kelab-kelab belia. Saya rasa perkara ini boleh digandakan lagi, biarlah belia-belia kita melalui kelab-kelab belia dapat menjadikan tempat mencari makan, umpamanya, melalui projek-projek pertanian ataupun perdagangan. Perkara ini saya sedar telahpun dijalankan oleh beberapa kelab belia. Pendek kata, saya berharap kelab-kelab belia janganlah dijadikan semata-mata untuk bergaul dan muhibbah, tetapi adalah lebih berkesan sekiranya dapat dijadikan sebagai tempat menampung hidup belia-belia kita ini. Dalam pada itu saya tidak hendak menafikan perlunya soal-soal kebudayaan dan sukan dan kesenian dimasukkan di dalam progem-progem kelab-kelab belia. Tetapi apa yang saya tekankan adalah soal prinsip sahaja. Yang ingin saya tegaskan sekali lagi di sini iaitu kita janganlah terlalu memerlukan perkara-perkara yang tidak penting di dalam keadaan menghadapi masalah penganggur dan lain-lain masaalah belia hari ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang Bahagian Penyelidikan Kementerian ini. Perkara ini saya akui adalah sangat penting tetapi yang saya hendak sentuh di sini janganlah kerja bahagian ini berganda dengan lain badan Kerajaan, misalnya, penyelidikan-penyelidikan buku-buku kebudayaan setengahnya yang mana saya ingin tahu apakah ini tidak boleh dijalankan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan Kementerian ini. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tradisi dan latar belakangnya saya percaya mungkin lebih berkemampuan dan layak untuk menjalankan kerja-kerja ini juga tentang berkaitan dengan penerbitan buku-buku yang dicetak di halaman buku Anggaran kita di muka 253 tahun 1976 ini, saya ingin mengesyorkan supaya perkara ini diselaraskan sahaja kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka kerana pihak Dewan Bahasa dan Pustaka saya percaya ada mempunyai tugas-tugas asas untuk kerja-kerja ini sepertilah penerangan, percetakan dan sebagainya. Biarlah pihak Kementerian ini khususnya Bahagian Penyelidikan menumpukan kepada kerja-kerja lain yang tidak dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi dengan peruntukan yang sedemikian didapati oleh pihak Kementerian ini biarlah digunakan sepenuhnya dan janganlah digunakan untuk perkara-perkara yang boleh dibuat oleh lain-lain badan Kerajaan. Dan di sini juga saya

mengesyorkan supaya pihak Kementerian hari ini yang mana sudah sampai masanya pihak Kementerian ini mengadakan satu Dewan Budaya untuk melambangkan negara kita hari ini apa yang dikatakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi nampaknya hari ini sudah bertahun-tahun demi tahun, maka satu dewan kebudayaan Belia dan sukan tidak diadakan di negara kita hari ini. Di dalam aktiviti-aktiviti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga saya berharap supaya menitik-beratkan di atas beliawanis yang mana hari ini boleh dikatakan sedikit sahaja yang telah diberi latihan oleh pihak Kementerian ini. Dengan adanya banyak latihan-latihan diberi kepada belia-beliawanis itu saya percaya pelacuran akan dapat diatasi sekiranya mereka ini dapat diberi latihan dan sebagainya. Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mendapatkan peruntukan sebanyak \$17 juta ini. Bukan sahaja setakat itu, Tuan Pengerusi, saya rasa sepatutnya peruntukan ini dilebihkan sedikit kepada Kementerian ini, kerana beban Kementerian ini sungguh besar dengan sebab pertama sekali ialah kerana di negara kita ini sebahagian besar rakyatnya adalah terdiri daripada belia.

Yang kedua, keadaan keselamatan negara ini bergantung kepada belia. Kalau belia baik maka keselamatannya baik, kalau belia tidak baik maka keselamatannya akan merosot. Peruntukan sebanyak ini, saya rasa tidak mencukupi. Saya minta kepada pihak yang berkenaan dalam menentukan peruntukan di masa akan datang supaya peruntukan Kementerian ini biarlah besar. Kalau dari sudut pertahanan bolehlah kita katakan ialah untuk menjaga negara daripada ancaman luar negeri, demikian juga keselamatan untuk menjaga anasir subversive, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah untuk memupuk benih-benih baik ataupun sebaliknya, jika banyak baja maka jawabnya baik.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara iaitu pertama sekali Kebudayaan iaitu di bawah B. 21 Pecahan-kepala (kod) 1100—Aktiviti (2) di mana saya nampak dalam hal ini kebudayaan sekarang ini telah dipupuk dengan baik oleh pihak Kementerian ini, cuma yang saya ingin menyebut di sini ialah tentang kebudayaan daripada negeri-negeri.

Sekarang ini, saya nampak kita tonjolkan hanya sebahagian sahaja daripada kebudayaan negeri untuk dijadikan kebudayaan nasional. Saya harap pihak Kementerian ini pada masa yang akan datang tonjolkan kebudayaan-kebudayaan tiap-tiap satu negeri untuk diperkenalkan kepada negeri-negeri yang lain dalam Malaysia ataupun jadikan kebudayaan nasional, sebab kadang-kadang orang-orang tidak tahu kebudayaan di tiap-tiap satu negeri itu. Misalnya, sekarang ini kita dapat tahu Dikir Barat itu satu kebudayaan daripada sebelah pantai timur iaitu daripada Negeri Kelantan dan Kuda Kepang daripada Johor, tetapi ada negeri-negeri lain yang mempunyai kebudayaan-kebudayaannya sendiri seperti Trengganu dengan kebudayaannya iaitu Rodat.

Jadi, saya harap Kementerian ini memodenaizkan hal ini agar disesuaikan dengan keadaan yang dikehendaki oleh pihak nasional.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut tentang kebudayaan ini selalunya mereka ini kalau Berdikir Barat, Berboria dan sebagainya selalu memuji-muji Kerajaan sahaja. Kita bukan tidak perlu memuji-muji atau menonjol-nonjol kebaikan Kerajaan, tetapi kalau puji-puji sangat jadi senda-senda pula. Saya rasa biar kita selang seli dengan cara puji selepas itu dengan cara pelajaran dan cara sukaria sedikit. Biar ada sedikit campur-campur. Sebagaimana kita tengok Orkes Al-Suraya daripada Indonesia dapat menunjukkan nasihat dan tunjuk-ajar dengan melalui nyanyian, maka demikian juga kita samada Boria, samada Dikir Barat atau lain-lain biarlah ada masa-masa tertentu puji Kerajaan, ada masa menonjolkan Dasar Ekonomi Baru dan ada masa memberi nasihat-nasihat anti-dadah. Jadi, kalau puji setiap masa maka tidak sedap juga. Itu sahaja yang saya minta.

Yang kedua, keasliannya biarlah ada, jangan kerana mempermodenkan samada

pakaian dan sebagainya sehingga hilang keaslian. Kalau di Kelantan dengan Dikir Barat dengan keasliannya. Kalau kuda kepang dengan kuda kepangnya, jangan dimodenkan terlampau banyak, kerana akan hilang keasliannya.

Saya menyentuh sedikit satu galakan yang dibuat oleh Kementerian ini berkenaan dengan joget lambak. Saya tidak bersetuju, Tuan Pengerusi. Saya minta joget lambak tidak payahlah diadakan. Joget lambak ini orang menari beramai-ramai dan ini menimbulkan satu masalah pula, kadang-kadang berebut sesama sendiri.

Selain daripada itu, saya ingin menyebut-tentang tentang belia. Sekarang ini banyak pertubuhan-pertubuhan belia dan Kementerian ini telah memberi sokongan kepada pergerakan-pergerakan belia ini. Saya bersetuju dengan sokongan yang diberi oleh pihak Kementerian. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah ada beberapa pergerakan belia yang tidak ketara sokongannya seperti Persatuan Pengakap, Persatuan Pandu Putri, Persatuan-persatuan yang ada dalam universiti-universiti yang mana tempat ini penting sekali. Saya dapati kalau pihak persatuan-persatuan ini meminta peruntukan payah diperolehi. Saya tidak kata tidak dapat tetapi payah. Jadi, saya minta pihak yang berkenaan mengambil perhatian agar persatuan ini diberi bantuan, dilatih ataupun di pimpin oleh pihak Kementerian. Apatah lagi kalau persatuan-persatuan yang dianggotai oleh mahasiswa-mahasiswa di dalam universiti-universiti. Dengan ini dengan secara langsung pihak Kementerian dapat memberi pengetahuan, pandangan yang berkait dengan politik, pentadbiran dan lain-lain kepada pelajar-pelajar universiti. Ini satu pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan latihan belia saya bersetuju benar dengan latihan, yang dikelolakan ini iaitu banyak orang telah dilatih, angka yang diberi ialah 1,700 lebih telah dilatih pada tahun yang lalu iaitu tahun 1974. Saya tertarik hati dengan latihan-latihan seperti pembinaan simen, penggunaan besi dan lain-lain yang diadakan samada di pusat latihan Dusun Tua ataupun Pelupur Negara. Tuan Pengerusi, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri membuat perkiraan agar pusat latihan ini biar banyak

sebab tidak cukup, kita keluar 1,700 setahun sedangkan belia yang keluar daripada sekolah terlampau banyak, saya rasa hampir-hampir suku juta setahun kita keluarkan murid-murid sekolah samada yang keluar kerana gagal atau tidak gagal. Jadi, masalah belia ini cukup besar. Oleh itu, lebih baik dibanyakkan lagi pusat-pusat latihan samada di Kuala Lumpur, di Dusun Tua, di Utara misalnya atau pantai Timur. Yang penting ialah dibanyakkan supaya anak-anak kita ini apabila keluar daripada latihan yang diberi oleh Kementerian ini akan dapat bekerja dan mereka tidak akan menganggur lagi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan tentang latihan yang diberi. Sekarang ini latihan pertukangan saya nampak telah ada, tetapi dalam bidang pertanian untuk belia-belia di luar bandar tidak ketara, misalnya, latihan membawa trektor, menggunakan mesin-mesin memotong kayu di hutan dan mesin-mesin yang sesuai untuk belia-belia di luar bandar. Saya minta supaya latihan ini diadakan juga, supaya anak-anak di luar bandar yang pergi berlatih di pusat latihan Dusun Tua ataupun sebagainya apabila mereka balik atau pulang ke kampung mereka dapat gunakan pelajaran itu.

Selain daripada itu, saya ingin menyebutkan tentang jurulatih-jurulatih pergerakan belia, jurulatih kebudayaan, jurulatih sukan dan jurulatih bahagian penyelidikan projek belia peladang. Sekarang ini nampaknya orang-orang perkhidmatannya kebanyakannya dikira bulan demi bulan atau hari demi hari. Mereka ini dilantik sebagai pegawai sementara, bukan pegawai tetap. Sekarang ini setahu saya pihak-pihak ini mendesak Kerajaan supaya menjadikan mereka sebagai pegawai tetap dengan sekim gaji yang sesuai dengan mereka. Kedudukan sekarang mereka rasa bimbang dengan jawatan yang mereka pegang, kerana boleh jadi esok mereka akan dibuang kerja sahaja. Apakala Kementerian tidak mahu pakai maka jawatan itu dimansuhkan sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian hal ini kerana desakan-desakan seperti ini adalah datang daripada mereka yang saya sebutkan tadi. Jadi, itulah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

5.50 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Saya hendak menyentuh tentang kepala B. 21 muka surat 147—sub-heading Promotion of Culture, Youth and Sports, Youth Affair and Youth Training. Tidak dinafikan lagi kita adalah tinggal dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa, kita pasti menerima konsep bahawa kaum Melayu, China dan India hidup bersama-sama dalam satu masyarakat di Malaysia, khasnya bagi kawasan yang desak. Oleh itu, adalah sangat mustahak iaitu kita mesti memperlihatkan bahawa semua kaum di negara kita dipelihara dengan adil dan saksama.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, this Ministry can contribute and play a very important role to what I have just said. The Ministry of Culture, Youth and Sports has more than what it should do in its sense of Culture, Youth and Sports. Tuan Pengerusi, in a multi-racial society, I would say this Ministry has a very important role to promote relationship or to promote friendship among the different races through activities in sports or through cultural activities. Because we are in a multi-racial society, we have to do our best in whatever ways possible to achieve unity. In this Ministry there are ways and means specifically provided for us to carry out this job. But today have we achieved anything? To this, Tuan Pengerusi, I would say we have. But there is still a lot more to do in the villages where we can hardly see the Chinese or rather the non-Malays participating in the Youth Clubs or the Government-recognised clubs. This, I would say, could be due to the language problem, or otherwise there must be something wrong in the organisation. However, Tuan Pengerusi, we should find ways and means to solicit non-Malay participation in the Youth Clubs in spite of this obstacle. As we all know, it is important to have the youth of all races to mix in the youth activities which lead to racial harmony and unity.

In view of this, Tuan Pengerusi, I would suggest to the Honourable Minister concerned to consider conducting regular classes for the training of youth leaders from various communities and also to erect more stadiums or cultural centres at various localities in order to provide more opportunities for the youths to meet and get together.

Finally, Tuan Pengerusi, touching on the Youth Affair, I would like to mention a little bit on the drug addiction. At the moment, we find in our society, especially in Perak State, a lot of youths being involved in this bad habit of taking drugs. This is a very serious matter, Tuan Pengerusi. We cannot allow this to develop further, or else it will create a social problem which is very bad to our nation. Tuan Pengerusi, in view of this, I would suggest to the Honourable Minister to take this into consideration in the conducting of courses and to urge the youths to be aware of all these bad habits of drug taking, or else we will fall into the state of incurable stage as this will go on and develop further.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada kesuntukan masa, jadi saya hanya dapat memberi seorang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat untuk bercakap, selepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.56 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, di dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ini, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini berpendapat bahawa peruntukan ini memang sedikit dan memang tidak mencukupi kalau dibandingkan dengan tugas-tugas yang diberikan kepada Kementerian ini. Sebagaimana tahun-tahun yang sudah saya masih ingat lagi bahawa ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini merungut dan meminta supaya peruntukan kepada Kementerian ini ditambah, tetapi kita dapat di sini hanya sedikit sahaja perubahan dan saya berharap pada tahun-tahun yang akan datang diperuntukkan lebih banyak lagi

kepada Kementerian ini supaya aktiviti-aktiviti yang akan dilancarkan oleh Kementerian ini lebih berkesan dan lebih banyak lagi.

Tuan Pengerusi, di dalam perbahasan ini saya hanya mahu menyentuh dalam satu perkara sahaja iaitu di bawah Kepala B. 21 Pecahan-kepala 1100 mengenai Biro Bimbingan Belia. Saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih di atas usaha Kementerian ini kerana saya menyedari bahawa Kementerian ini telah banyak berusaha untuk melatih belia-belia kita dari segi latihan kemahiran, latihan seni lukis, latihan jasmani dan berbagai-bagai. Saya mengharapkan Kementerian ini mengambil berat atau mengambil tanggungjawab sama dari segi latihan ataupun bimbingan belia-belia kita ini di sudut kerohanian lebih-lebih lagi dari sudut budi perkerti ataupun akhlak.

Tuan Pengerusi, mengikut faham saya bahawa belia-belia atau beliawanis dan muda-mudi kita di dalam negara ini sedang hangat diperbincangkan tentang masaalah akhlaknya, masaalah budi perkertinya, yang makin sehari makin menurun dan makin sehari makin menjolok mata, lebih-lebih lagi masaalah perkembangan hippies yang merebak di dalam negara kita ini. Saya rasa ini juga adalah salah satu daripada tanggungjawab Kementerian ini di samping tanggungjawab Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran untuk mengasuh budi perkerti ataupun membentuk akhlak belia-belia kita ini supaya secukupnya ataupun seimbang dengan kehendak-kehendak negara kita ini. Jadi, di dalam usaha-usaha Biro Bimbingan ini saya mengharapkan benar-benar supaya Kementerian ini memperuntukkan atau mengkhususkan bagi melatih muda-mudi kita, belia-beliawanis kita bagi membentuk latihan rohani supaya muda-mudi itu mempunyai budi pekerti yang baik, mempunyai perangai dan tindak-tanduk yang diinginkan seperti mana yang sama-sama kita sukai.

Jadi, Tuan Pengerusi, tidaklah semestinya di dalam pembentukan rohani ini kita memaksa belia atau beliawanis yang bukan Islam ini mengikut ajaran-ajaran Islam, tetapi kepada muda-mudi Islam kepada belia-beliawanis Islam hendaklah kita melatih sama, mengajar sama, menunjuk ajar sama di samping latihan-latihan kebudayaan,

di samping latihan kecergasan tangan dan sebagainya dimasukkan sama satu sudut kepada mereka itu latihan-latihan rohani supaya kita dapat membentok muda-mudi kita berperangai dengan perangai yang baik, jauhkan mereka itu daripada perangai-perangai yang buruk, jauh daripada mereka itu daripada terpengaruh dengan menghisap dadah, menghisap ganja, merompak, mencuri, mengata orang dan sebagainya. Saya yakin dan percaya, Tuan Pengerusi, apabila muda-mudi kita ataupun belia-beliawanis sedikit-sebanyak memahami ajaran-ajaran agama dan sedikit-sebanyak terpengaruh dengan didikan rohani yang baik, maka mereka itu sudah tentu tidak akan melakukan kerja-kerja yang tidak diingini kerja-kerja yang bertentangan dengan ajaran agama atau kerja yang bertentangan dengan adat resam kita ataupun rakyat di dalam negara ini. Jadi, ini saya harap benar-benar supaya Kementerian ini pada masa-masa yang akan datang mengambil bahagian dan menumpukan perhatian sama di dalam latihan ataupun bimbingan kerohanian. Sekian sahaja harapan saya, terima kasih.

6.02 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Belanjawan bagi Kementerian saya, dan pada mulanya saya tidak sangka yang begitu ramai hendak berucap dan oleh kerana saya fikir kita kesuntukan masa, maka saya jawab dengan seberapa ringkasnya boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai mengesyorkan supaya Kementerian ini menjalankan kajian secara ilmiah dan beliau mengesyorkan supaya diadakan akademi kesenian. Berkenaan dengan perkara kajian ilmiah ini walaupun Kementerian ini membuat kajian ilmiah tetapi kajian ilmiah yang dibuat oleh Kementerian lebih merupakan untuk keperluan pelaksanaan ataupun applied research, kerana hasil-hasil kajian tentang kebudayaan yang kita buat itu adalah dengan tujuan untuk dilaksanakan, terutama sekali oleh Kementerian ini dalam langkah untuk memajukan dan meninggikan kebudayaan kita.

Berkenaan dengan akademi ini pada masa sekarang ini belumlah ada cadangan lagi,

kerana apabila hendak menubuhkan akademi ini tentulah banyak perkara-perkara yang harus kita ada dan keadaan-keadaan yang harus kita ada.

Pertama sekali akademi ini lebih merupakan pusat kajian yang lebih mendalam dan ilmiah atau akademik. Perkara yang semacam ini sebahagiannya telah dijalankan di pusat-pusat pengajian tinggi. Yang keduanya yang kita sangat perlukan ialah tempat-tempat melatih dan sekarang ini kita menjalankan latihan-latihan berkenaan dengan kebudayaan ialah secara di mana tempat yang kita dapat samada di balai-balai raya dan di Dewan-dewan. Kalau kita hendak mengadakan sebuah sekolah atau akademi yang formal yang tertentu, maka ada masaalah lain yakni masaalah pakar-pakar yang sekarang ini kita masih belum ada lagi. Jadi, Kementerian ini telahpun menghantar beberapa orang pegawai untuk berlatih di luar negeri dengan tujuan supaya mereka ini balik, mereka akan dapat memberikan pengajaran dalam perkara-perkara kesenian dan kebudayaan. Jadi untuk sementara waktu ini kita belumlah lagi hendak mengadakan akademi ataupun sekolah-sekolah kesenian memadailah kita berjalan dengan cara improvised yakni apa tempat yang ada kita pakai dan kita ajar di situ.

Berkenaan dengan Persatuan Penulis ini biasa bercanggah dan sebagainya ini adalah perkara biasa di dalam pertubuhan sukarela yakni antara satu pertubuhan dengan yang lain, antara satu tokoh dengan yang lain apatah lagi orang-orang ini memang kaki menulis. Ini tidak dapat kita elakkan dan pihak Kementerian ini sentiasa mengambil jalan tengah dan sentiasa bekerjasama dengan segala golongan atau segala pihak penulis untuk menjalankan kegiatan di dalam hal penulisan.

Berkenaan dengan pertandingan-pertandingan nobel dan sebagainya, pihak Kerajaan samada Kementerian saya ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain ataupun badan-badan penulis memanglah menganjurkan dan pihak Kerajaan tidaklah bercadang hendak mengambil-alih semua itu. Kalau Kerajaan mengambil-alih segala jenis pertandingan nobel dan sebagainya itu, maka pihak penulis tidak ada daya-utama ataupun initiative lagi yang tinggal yang boleh mereka laksanakan.

Sepanjang yang berkenaan dengan kegiatan belia ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa janganlah Melayu sahaja. Yang sebenarnya, dasar Kementerian ini berkenaan dengan kegiatan belia ialah supaya pertubuhan-pertubuhan belia ataupun gerakan belia ini disertai oleh ahli-ahli belia daripada tiap-tiap keturunan. Pada masa yang telah lalu betullah sebahagian yang besar daripada belia-belia yang bergerak ini adalah terdiri daripada belia-belia Melayu. Jadi, ini ada beberapa sebabnya kerana pada masa yang telah lalu kegiatan-kegiatan belia ini lebih banyak menarik minat belia-belia Melayu sahaja. Jadi belia-belia bukan Melayu kurang tertarik. Oleh kerana itu, maka dasar Kementerian sekarang ini ialah mempelbagaikan jenis kegiatan. Secara amnya bolehlah saya katakan kalau untuk menjalankan projek belia peladang, untuk menjalankan penternakan ikan dan sebagainya untuk mendapatkan pendapatan belia Melayu memang sangat sukar, tetapi kalau untuk rancangan-rancangan ini belia-belia China kita tidak berapa suka kalau untuk rezki mereka lebih individualistic lagi. Kebanyakan belia-belia China tertarik dengan kegiatan-kegiatan ialah untuk mengisi masa-masa lapang mereka itu. Mereka hendak membaca, bermain indoor game dan sebagainya waktu mereka selesai daripada bekerja. Sekarang ini dasar kegiatan belia yang digalakkan oleh Kerajaan ialah mempelbagaikan jenis supaya dapat menarik minat belia-belia daripada semua keturunan. Pada masa yang telah lalu ada satu masalah lagi iaitu kebanyakan pegawai Kementerian ini terdiri daripada pegawai-pegawai keturunan Melayu, terutama sekali bagi belia-belia yang datang daripada kawasan-kawasan yang tidak banyak bercampur, bahasa Malaysia-nya kurang baik, maka ada terdapat semacam communication gap. Sekarang Kementerian ini mengambil pegawai-pegawai daripada keturunan yang lain dengan tujuan hendak memudahkan perhubungan dan begitu juga kepada pertubuhan belia yang ada. Saya fikir sekarang ini ada sedikit kekeliruan yang mengatakan Kementerian ini menggalakkan ataupun membuka jalan supaya ditubuhkanlah persatuan-persatuan belia yang terdiri daripada satu-satu kaum. Yang sebenarnya, ini bukanlah dasar Kementerian. Dasar Kementerian ialah seberapa yang boleh maka ahli-ahli satu-satu pertubuhan belia itu hendaklah terdiri daripada semua keturunan. Tetapi sekadar masalah

prektikalnya, kalau di dalam satu-satu tempat itu, misalnya, kalau di dalam kampung yang 100% belianya orang Melayu sahaja, maka tidak dapat tiada cawangan belia di situ otomatis terdiri daripada orang Melayu. Begitu juga misalnya kalau di dalam Kampung-kampung Baru yang penduduknya boleh dikatakan hampir semua terdiri daripada orang China, maka tidak dapat kita elak ahlinya terdiri daripada orang China. Tetapi itupun saya arahkan pegawai Kementerian saya supaya meluaskan kawasan bagi satu-satu persatuan belia itu supaya dapat terlengkap sama belia-belia daripada keturunan lain daripada yang majoriti dalam satu-satu tempat itu.

Berkenaan masalah pergabungan bila ditubuhkan persatuan-persatuan belia terutama sekali di kawasan-kawasan Kampung-kampung Baru. Jadi ke mana mereka hendak bergabung. Ada setengahnya sanggup bergabung dengan persatuan belia yang sedia ada. Misalnya, ada persatuan belia yang hendak bergabung dengan M.A.Y.C. dan ada persatuan belia yang hendak bergabung dengan 4B. Setengahnya pula tidak mahu. Jadi, Kementerian ini terpaksa juga membenarkan mereka bergabung dengan apa juga gabungan yang mereka suka. Harapan saya di sini ialah upaya persatuan-persatuan belia yang ada sekarang ini diubahsuaikan (adjust) dirinya supaya lebih menarik kepada ahli-ahli daripada pertubuhan-pertubuhan belia yang baru kita tubuhkan. Misalnya, mempelbagaikan jenis kegiatan dan sebagainya. Pendeknya, dasar Kerajaan bukanlah hendak menggalakkan polarisation di kalangan persatuan-persatuan belia. Begitu juga ahli-ahlinya tidaklah kita hendak supaya ahli-ahlinya itu dibataskan. Barangkali di sini ada juga eloknya saya memberi sedikit caution, kerana nampaknya di setengah-setengah tempat setengah-setengah pemimpin belia, terutama sekali belia Melayu yang beragama Islam terlalu kuat sangat kepada keagamaannya hingga saya bimbang takut pula kepada yang bukan Islam. Kalau sekiranya makanan yang dimasak oleh orang-orang yang bukan Islam itu bercampur mereka tidak mahu makan sedangkan mereka pemimpin belia, jadi saya bimbang di setengah tempat perkara ini menakutkan ataupun menjarakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada menyebutkan berkenaan dengan belia yang diberikan latihan di Dusun Tua itu hendaklah

dijamin pekerjaannya. Kerajaan memberikan latihan seperti memberi sekolah kita tidak memberi jaminan samada mereka dapat pekerjaan atau tidak. Jadi, seberapa yang boleh Kementerian ini menjalankan latihan supaya latihan itu memudahkan mendapat pekerjaan dan juga bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat daripada Kangar itu saya suka menjelaskan matlamat Kementerian ini memberikan latihan di Dusun Tua bukanlah semata-mata supaya belia itu makan gaji seumur hidup. Kita menggalakkan belia-belia ini supaya apabila telah mendapat kemahiran latihan seberapa boleh membuka perusahaan dan perniagaan sendiri dan dengan sebab itulah dalam ucapan saya tadi kita galakan belia-belia yang telah menjalani latihan itu menjadi kontrektor-kontrektor. Kalau kita memikirkan supaya mereka makan gaji seumur hidup, maka sukaiah saya mengulangi bahawa dasar Kementerian ini bukanlah semata-mata hendak melatih mereka itu supaya mereka makan gaji sahaja. Kita berkehendakan mereka seberapa banyak yang boleh mendirikan dan menjalankan perniagaan-perniagaan dan perusahaan-perusahaan yang boleh diusahakan. Sebab itulah apabila telah kita latih maka jika sekiranya belia-belia ini hendak membuka perusahaan, maka kita memberikan latihan tentang cara-cara pentadbiran perniagaan dan juga kita mengadakan peluang-peluang pimpinan supaya mereka mendapat kemudahan-kemudahan pinjaman modal dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengesyorkan supaya diadakan Suruhanjaya Di Raja Bebas untuk menyiasat tentang kejahatan-kejahatan belia, untuk menyiasat sistem sekolah dan sebagainya lagi yang telah disebutkan. Nampaknya, Ahli Yang Berhormat dari DAP ini suka sangat Suruhanjaya Bebas Di Raja ini. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya adalah mendapat mandat yang besar dan kita berhak serta berkuasa serta mampu mentadbirkan negara ini dengan tidak payah diadakan Suruhanjaya Bebas Di Raja, terutama sekali yang terdiri dari berbagai-bagai parti, kerana kita telah ditugaskan dengan mandat yang besar untuk mentadbirkan negeri ini. Jadi, soal penubuhan Suruhanjaya Bebas Di Raja ini tidak timbul, kerana kita boleh mentadbirkan, sekadarkan dalam masa kita mentadbirkan apabila masalah itu terlalu besar dan

rumit seperti masalah dadah ini, maka tidak dapatlah kita huraikan dengan serta-merta dan tidak dapatlah kita huraikan secara bersendirian sebagai sebuah negara sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mengesyorkan supaya ditubuhkan National Cultural Research Institute. Sebagaimana saya katakan tadi Kementerian ini memang mempunyai bahagian penyelidikan, terutama sekali penyelidikan yang bertujuan lebih berupa pelaksanaan yakni applied research dalam Bahagian Kebudayaan. Selain daripada itu, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi iaitu Kerajaan bercadang hendak menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan dengan Hal Ehwal Kebudayaan dengan tujuan supaya dapat kita terima fikiran-fikiran dan nasihat-nasihat daripada orang-orang yang berminat dan ahli dalam perkara kebudayaan, terutama sekali untuk melaksanakan dasar-dasar kebudayaan kita di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebutkan soal demokrasi kebudayaan, tetapi tidak disebutkan apa yang dimaksudkan dengan demokrasi kebudayaan. Jadi, susah saya hendak menjawab secara tepat. Tetapi di sini suka saya nyatakan dasar Kerajaan tentang Kebudayaan Kebangsaan Malaysia ialah kebudayaan yang berteraskan kepada rakyat asal di rantau kita ini. Itu terasnya (the basis), kemudian unsur-unsur kebudayaan lain daripada rakyat asal ini manamana yang sesuai, maka adalah diterima dan dimasukkan menjadi sebahagian dalam arus kebudayaan kebangsaan kita. Dengan demikian dalam pembinaan kebudayaan kebangsaan kita unsur-unsur kebudayaan daripada keturunan-keturunan lain yang bukan bumiputra adalah kita terima, tetapi mana-mana unsur-unsur kebudayaan yang terlalu bercorakkan kepada negeri asalnya dan tidak bercorak negeri ini, maka unsur-unsur itu kekal menjadi kebudayaan kaum masing-masing. Dalam konteks ini kaum masing-masing adalah bebas mengamalkan kebudayaan itu bandingannya adalah dengan kedudukan bahasa. Bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang tunggal ialah Bahasa Malaysia. Bahasa-bahasa asing bebas digunakan sesuai dengan peruntukan Perlembagaan kita. Dalam hal kebudayaan

maka parallelnya adalah sama. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tidak payah menimbulkan soal demokrasi kebudayaan dan sebagainya dan memang kita mengamalkan demokrasi sesuai dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah ada menimbulkan kenapa peruntukan untuk Pusat Perbagai Guna Negeri Sarawak hanya \$10. Nampaknya seolah-olah seperti Kementerian ini tidak adil kepada Negeri Sarawak. Yang sebenarnya, peruntukan \$10 ini adalah hanya sebagai tanda (token), kerana Pusat Pelbagai Guna di Negeri Sarawak telahpun siap kita bina dan telah dikeluarkan belanja yang banyak. Peruntukan ini sebagai tanda bila perlu untuk memperbaiki dan membesarkan, maka di dalam Budget kita sudah ada sub-headnya. Jadi, sebagai tanda sahaja untuk memudahkan kita menambahkan pada masa hadapan. Yang sebenarnya, peruntukan untuk Pusat Pelbagai Guna di Sarawak itu bukanlah \$10 tetapi beratus ribu ringgit.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang ada menyebutkan iaitu hendaklah diadakan Jawatankuasa Penyelaras antara Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan untuk memberi pertolongan atau bantuan kepada belia-belie kerana peruntukan Kementerian ini kecil. Sebenarnya, inilah yang telah kita buat selama ini. Kalau hendak bergantung kepada peruntukan yang ada pada Kementerian kita barangkali setengahnya pula sudah habis Budget kita. Jadi pada masa yang telah lalu, misalnya, kita ada Jawatankuasa Belia Peladang di peringkat Daerah, peringkat Negeri dan peringkat Federal. Kalau kita perlu, misalnya, projek menternak ikan, maka biasanya Jabatan perikanan memberikan anak ikan. Kalau kita perlu baka lembu atau baka kambing Jabatan Haiwan memberi bantuan. Pendeknya, kerjasama atau koordinasi antara Kementerian ini dengan Kementerian lain adalah banyak sebab itulah walaupun peruntukan Kementerian ini sedikit kita dapat banyak jalankan rancangan. Begitu juga dalam Biro Narkotik Negara sebagaimana telah disebutkan Kementerian ini memang mendapat kerjasama. Pendek kata, kesimpulannya koordinasi antara Kementerian dan agensi Kerajaan memanglah berjalan dengan baik.

Ada satu perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu, minta pemimpin-pemimpin belia yang terlibat di dalam demonstrasi pelajar-pelajar pada tahun yang lepas itu dibebaskan. Soal ini sebenarnya adalah soal di bawah kuasa Kementerian Hal Ehwal Kementerian Dalam Negeri. Jadi, biasanya pertimbangannya berdasarkan keperluan keselamatan. Jadi, sepanjang dasar Kerajaan ialah kalau boleh kita tahan orang itu seberapa singkat lagi bagus, kita tahan lama-lama pun buat apa, kita kena beri makan percuma dengan tidak ada sebab di dalam tahanan itu, tetapi kalau misalnya keperluan keselamatan memerlukan ditahan lama, apa hendak dibuat. Jadi terpaksa juga ditahan. Pendeknya, terpulanglah kepada pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Ada juga perkara-perkara besar sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat tumpukan kepada hujjah-hujjah yang dikemukakan dengan tak mendatangkan hujjah-hujjah baru, sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat. Sila teruskan.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Ada satu perkara yang besar yakni perkara hotel-hotel, kelab-kelab malam dan sebagainya terlalu menggambarkan imej negara luar. Walaupun Kementerian saya sudah meminta kerjasama daripada segala pihak dan telah menawarkan kerjasama untuk menukarkan imej hotel-hotel, tempat-tempat hiburan, tempat penginapan dan bangunan-bangunan supaya menjadi Malaysia tetapi kejayaannya boleh dikatakan separuh memuaskan. Ada setengah tempat mengikut arahan kita, misalnya, satu daripada yang disebutkan tadi Genting Highlands, memanglah betul asalnya Genting Highlands menggambarkan seolah-oleh di Taiwan atau pun di Hongkong, tetapi sekarang ini telah diubah secara perlahan-lahan. Begitu juga dalam decoration dan juga telah diadakan Pesta Kebudayaan di Genting Highlands. Jadi, dalam hal ini saya berharaplah yang sebenarnya yang mengeluarkan lesen itu semua adalah kepada Kerajaan Tempatan.

Kalau Kerajaan Tempatan, misalnya, Majlis Bandaran atau City Council dan sebagainya mengenakan syarat lesen, maka saya fikir pihak yang berkenaan tunduk kepada syarat-syarat Kerajaan.

Berkenaan dengan lagu-lagu musik kita dan sebagainya terlalu sangat disaruk oleh hantu Hindustan, saya fikir perkara ini ada beberapa perkara yang patut kita timbangkan dan agak rumit sedikit, pertama sekali mengenai kebudayaan, kesenian adalah hak orang ramai. Apa orang ramai suka hendak dengar kalau kita hendak tahan sekalipun dia hendak dengar itu lagi itu juga, halangan kita kurang berkesan, tetapi kalau kita biar-kan arus itu berjalan terus-menerus, maka orang luar nanti akan mengangap Malaysia adalah further India sebagaimana pada masa yang telah lalu. Jadi, Kementerian ini memanglah mengambil berat atas perkara ini yakni Kementerian telah melatih penggubah lagu, pengatur-pengatur atau pengarang-pengarang lagu supaya mereka itu berbalik ke pangkal jalan, kenaikan teras kesenian negara kita. Janganlah terlalu tersaruk oleh Hindustan dan sebagainya. Cuma saya berharap segala pihak yang berkenaan, pihak swasta dan lain-lain juga turut memainkan peranan yang sama iaitu turut membina masyarakat kita supaya jangan kesenian masyarakat kita ditenggelami 100% oleh kesenian asing.

Saya fikir itulah sahaja setengah-setengah perkara yang besar yang saya hendak jawab. Perkara-perkara yang saya tak dapat jawab, saya akan ambil perhatian dan mana yang dapat dijalankan, maka saya akan jalankan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$14,298,700 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$3,406,335 untuk Kepala P. 21 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 22 (Jadual)

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan

Pengerusi, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan memohon mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kepala B. 22 berjumlah \$900,000,000 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 22 berjumlah \$125,611,040 diluluskan.

Anggaran Perbelanjaan Pertahanan Tahun 1976 menunjukkan kekurangan sebanyak \$27 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$92 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan apabila dibandingkan dengan peruntukan 1975.

Kekurangan peruntukan ini bukanlah bermakna bahawa tugas-tugas dan tanggung-jawab serta aktiviti Kementerian Pertahanan telah dikurangkan, malahan aktiviti Angkatan Tentera sedang dipergiatkan lagi memandangkan kepada keadaan keselamatan yang kita hadapi pada masa ini.

Peruntukan yang besar bagi tahun 1975 adalah untuk menanggung perbelanjaan berbagai jenis keperluan dan projek yang diluluskan dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan hanya dapat dilaksanakan dalam tahun 1975.

Rancangan Malaysia Ketiga masih belum lagi dibentangkan di Dewan ini dan peruntukan bagi tahun 1976 adalah untuk keperluan penyenggaraan dan pembayaran tanggungan yang dibawa dari Tempoh Rancangan Malaysia Kedua.

Saya tidaklah bertujuan untuk menyebut satu persatu peruntukan yang diminta dan sebab-sebab ianya diperlukan kerana segala angka dan penerangan telahpun dibentangkan di dalam buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 1976 dan buku Anggaran Belanjawan tahun 1976.

Hanya saya akan memberi penjelasan secara am sahaja.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1976 peruntukan yang berjumlah sebanyak \$900,000,000 bolehlah dibahagikan kepada 4 kumpulan Perbelanjaan yang besar iaitu:

Pertama: Kumpulan Gaji dan Elaun.

Kedua: Kumpulan Perkhidmatan dan Bekalan.

Ketiga: Kumpulan Pembelian Harta Modal.

Keempat: Kumpulan Pemberian dan Bayaran Tetap.

Gaji dan Elaun

Peruntukan Gaji dan Elaun sebanyak \$410 juta adalah \$5 juta kurang dari peruntukan bagi tahun 1975 kerana pembekuan bayaran bonos kepada kakitangan Kerajaan yang bergaji lebih dari \$1,000 sebulan.

Perkhidmatan dan Bekalan

Peruntukan di bawah kumpulan yang kedua ini, iaitu Perkhidmatan dan Bekalan adalah untuk perbelanjaan penyenggaraan anggota dan kelengkapan Kementerian Pertahanan seperti pembayaran perkhidmatan api dan air, pembelian makanan dan minyak, pembelian alat-alat ganti dan penyenggaraan kapal-kapal, kenderaan dan lain-lain.

Peruntukan di bawah kumpulan ini sebanyak \$316 juta adalah \$41 juta atau 15% lebih dari peruntukan bagi tahun 1975. Kelebihan ini tidaklah dapat dielakkan kerana bukanlah harga bahan bekalan seperti makanan, minyak dan lain-lain yang telah naik tetapi perkhidmatan-perkhidmatan seperti air, elektrik tambang kenderaan, sewa rumah dan bangunan juga telah naik.

Perbelanjaan untuk Perjalanan dan Pengangkutan adalah terjatuh di bawah kumpulan ini. Perbelanjaan ini sukar hendak dihadkan memandangkan kepada tugas-tugas yang terpaksa diuruskan berkaitan dengan operasi (operation) dengan teretusnya perkembangan aktiviti pengganas kominis di beberapa tempat di dalam negara kita ini.

Pembelian Harta Modal

Peruntukan di bawah Kumpulan Ketiga iaitu Pembelian Harta Modal sebanyak \$153.5 juta menunjukkan kekurangan sebanyak \$83 juta atau 35% berbanding dengan peruntukan tahun 1975. Peruntukan ini adalah digunakan bagi pembelian berbagai jenis kelengkapan seperti kenderaan, senjata, kapal dan kapal terbang bagi kegunaan tentera.

Kekurangan perbelanjaan yang didapati di bawah kumpulan ini tidaklah harus diberi pandangan yang berat atau dianggap sebagai kemerosotan aktiviti Angkatan Tentera.

Sebenarnya pembelian alat-alat seperti ini meliputi masa beberapa tahun mengikut kemampuan pemborong-pemborong mengadakan alat-alat tersebut di dalam sesuatu tahun itu.

Seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi pembelian berbagai kelengkapan yang diluluskan dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kedua telah terkumpul dalam tahun 1975.

Peruntukan yang diminta bagi tahun 1976 adalah untuk membayar tanggungan-tanggungan dan pesanan-pesanan yang dibuat dalam masa Rancangan Malaysia Kedua.

Peruntukan sebanyak \$20 juta

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 3hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.